

**Che Mas Binti Abdullah**

*Iwn.*

**Mat Sharie Bin Yaakub**

*a*

[Mahkamah Tinggi Syariah Di Kuala Terengganu, Terengganu  
( Dato' Haji Ismail Bin Yahya , HMTS) 15 Safar 1424 bersamaan  
17 April 2003]

[Kes Mal No: 41-001-8-99]

*b*

**Tuntutan Harta Sepencarian – Bidangkuasa mahkamah – sek. 2 dan 57 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 dan sek. 11(3)(b) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 - Tafsiran harta sepencarian – harta yang diperolehi oleh suami melalui pinjaman kerajaan - juga yang diperolehi secara persendirian – pertikaian kadar pembahagian - takat sumbangan pihak-pihak dalam mendapatkan harta - sumbangan isteri sebagai surirumah sepenuh masa adakah diambil kira dalam pembahagian – juga lama tempoh perkahwinan – kuasa mahkamah dalam pembahagian harta sepencarian – sek. 57 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2001 – Beban pembuktian tuntutan – saksi Plaintiff iaitu ibu ditolak ada tohmah - tidak ada keterangan sokongan dari saksi lain – Defendan juga tidak mengemukakan saksi - pembuktian secara Yamin Syarie pihak-pihak – sek. 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.**

*c*

*d*

### Fakta Kes

Pihak-pihak di dalam kes ini telah bernikah pada 30 Mei 1980 di Kuantan, Pahang. Dan pihak-pihak telah bercerai dengan talak satu di luar mahkamah pada 9 Ogos 1998 dan perceraian telah disabitkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang, Terengganu pada 25 Oktober 1998. Tidak ada sebarang perintah dikeluarkan mengenai harta sepencarian antara pihak-pihak di dalam kes tersebut.

*e*

Pada 1 Jun 1999 barulah Plaintiff mendaftar tuntutan harta sepencariannya di dalam Mahkamah ini. Plaintiff telah menuntut supaya harta-harta berikut disabitkan harta sepencarian antara Plaintiff dengan Defendan;

*f*

- a 1) Sebuah rumah yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Defendant di atas tanah lot no. 01909 Mukim Rusila dengan harta tanah dan rumah bernilai RM125,000.00; tuntutan dibuat berdasarkan tempoh masa bayaran yang telah dibuat semasa tempoh perkahwinan selama 9 tahun 11 bulan. Potongan dari gaji Defendant mulai bulan Disember 1988 hingga Oktober 1998 dikira RM735.74 x 119 bulan berjumlah RM87,553.06;
- b 2) Tanah yang dibeli di Bukit Gasing, Lot 4497, Keterangan Tanah GM 2759 Mukim Pulau Kerengga, Marang, yang dinilai dengan harga RM3,000.00.
- 3) Tanah dibeli di Gong Nangka (tiada geran lagi) bernilai RM4,000.00;
- 4) Sebuah kenderaan jenis van, nombor daftar TR 7416, berharga c RM40,783.00;
- 5) Sebuah motorsikal, nombor daftar TT 1843, bernilai RM4,000.00
- 6) Wang daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Defendant, yang didaftar dengan keahlian nombor: 2955759, jumlah setakat Disember 1990 ialah RM36,328.05.

d Di dalam penggulungan hujah bertulisnya, wakil Plaintiff telah membuat tuntutan supaya harta-harta yang dituntut sebagai harta sepencarian itu dibahagi dua antara Plaintiff dan Defendant.

Defendant pula telah membuat tuntutan balas seperti berikut;

- e 1) Sebuah kenderaan van, pendaftaran No: TR 7416, yang dituntut oleh Plaintiff sebagai harta sepencarian itu, diisyiharkan sebagai harta Defendant;
- 2) Barang-barang yang sehingga kini masih berada di dalam rumah yang terletak di Lot 1909 Mukim Rusila, Marang, diisyiharkan sebagai harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendant. Barang-barang berkenaan ialah;

a)	sebuah TV Toshiba 20"	RM1,000.00	<i>a</i>
b)	sebuah mesin basuh	RM2,000.00	
c)	dua bidang permaidani	RM1,000.00	
d)	4 set bed spread	RM 800.00	
e)	almari solek (antik)	RM2,000.00	
f)	almari pakaian	RM 800.00	

- b*
- 3) Plaintiff dikehendaki membayar balik wang pemberian yang telah disumbangkan oleh Defendant berjumlah RM8,000.00 untuk membesarkan rumah di No. 4, Perumahan Kampung Rhu Rendang, 21600 Marang; dan
  - 4) Segala tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos.

Diputuskan:

*c*

Mahkamah memutuskan;

1. Sebuah rumah dan tapak rumah melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia di atas tanah lot no. 01909 Mukim Rusila, Marang, dengan harga tanah dan rumah bernilai RM125,000.00, adalah harta sepencarian antara Plaintiff, Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 dengan Defendant, Mat Sharie bin Yaakub. Maka mahkamah perintah Defendant membuat pembayaran sebanyak RM29,184.35 (RM87,553.06 – 3 = RM29,184.35), iaitu kadar satu pertiga dari nilai harta sepencarian itu kepada Plaintiff, yang mana selepas itu rumah dan tapak rumah itu nanti akan menjadi milik Defendant sepenuhnya;
2. Sebidang tanah yang dibeli oleh Defendant, Mat Sharie bin Yaakub, kad pengenalan nombor 3755191 / 510101-03-5289, di Bukit Gasing, yang memakai keterangan tanah GM2759, lot 4497 Mukim Pulau Kerengga, Marang, adalah harta sepencarian antara Plaintiff, Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 dengan Defendant Mat Sharie bin Yaakub. Maka mahkamah perintah Defendant membuat pembayaran sebanyak RM1,000 (RM3,000 – 3 = RM1,000), iaitu kadar satu pertiga dari nilai harta sepencarian itu kepada Plaintiff, yang mana selepas itu di Bukit Gasing, yang

*d*

*e*

*f*

- a* memakai keterangan tanah GM2759, lot 4497 Mukim Pulau Kerengga, Marang; itu nanti akan menjadi milik Defendan sepenuhnya;
3. Mahkamah menolak tuntutan harta sepencarian Plaintiff, Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 ke atas tanah yang didakwa tanah itu dibeli oleh Defendan di Gong Nangka (tiada geran lagi), Marang, yang bernilai RM4,000.00;
- b*
4. Sebuah kenderaan jenis van nombor daftar TR 7416, yang telah dinilai dengan harga RM40,783.00 yang dibeli oleh Defendan, Mat Sharie bin Yaakub, kad pengenalan nombor 3755191 / 510101-03-5289, dan didaftarkan di dalam Perakuan Pendaftaran Kenderaan atas nama Plaintiff Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 adalah harta sepencarian dengan Plaintiff, dengan Defendan, Mat Sharie bin Yaakub. Maka mahkamah perintah Defendan membuat pembayaran sebanyak RM13,594.33, kepada Plaintiff, dan setelah itu proses penukaran nama berdaftar bagi kenderaan itu daripada nama Plaintiff kepada nama Defendan hendaklah dibuat oleh Plaintiff, dan kenderaan itu akan menjadi milik kekal kepada Defendan; ATAU mahkamah perintah Plaintiff membuat pembayaran kepada Defendan sebanyak RM27,188.67 (RM40,783 – 3 = RM13,594.33 x 2 = RM27,188.67), dan setelah itu kenderaan jenis van nombor daftar TR 7416 itu akan menjadi milik kekal kepada Plaintiff;
5. Sebuah kenderaan jenis motorsikal pendaftaran nombor TT 1843 yang telah dinilai dengan harga RM3,000 yang dibeli oleh Defendan, Mat Sharie bin Yaakub, kad pengenalan nombor 3755191 / 510101-03-5289, dan didaftarkan di dalam Perakuan Pendaftaran Kenderaan atas nama Defendan, Mat Sharie bin Yaakub, adalah harta sepencarian antara Plaintiff Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 dengan Defendan, Mat Sharie bin Yaakub. Maka mahkamah perintah Defendan membuat pembayaran sebanyak RM1,000 kepada Plaintiff dan kenderaan itu akan menjadi milik kekal kepada Defendan; ATAU mahkamah perintah Plaintiff membuat pembayaran kepada Defendan sebanyak RM2,000 (RM3,000 – 3 = RM1,000 x 2 = RM2,000), dan setelah itu proses penukaran nama

berdaftar bagi kenderaan itu daripada nama Defendan kepada nama Plaintiff hendaklah dibuat oleh Defendan, yang demikian kenderaan motorsikal itu akan menjadi milik kekal kepada Plaintiff;

6. Mahkamah menolak tuntutan harta sepencarian Plaintiff, Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 ke atas wang daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Defendan, yang didaftar dengan keahlian nombor : 2955759; a
7. Mahkamah sabit barang-barang yang sehingga kini masih berada di dalam rumah yang terletak di atas lot 01909 Sungai Kerak, Mukim Rusila, Marang, yang terdiri dari :-
  - a) sebuah TV Toshiba 20" bernilai RM1,000.00
  - b) sebuah mesin basuh bernilai RM2,000.00
  - c) dua bidang permaidani bernilai RM1,000.00
  - d) 4 set bed spread bernilai RM800.00
  - e) almari solek (antik) bernilai RM2,000.00
  - f) almari pakaian bernilai RM800.00c

adalah harta sepencarian antara Plaintiff Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 dengan Defendan, Mat Sharie bin Yaakub kad pengenalan nombor 3755191 / 510101-03-5289, Maka mahkamah perintah Defendan membuat pembayaran sebanyak RM2,533.33 (RM7,600 – 3 = RM2,533.33) dan setelah itu kesemua barang-barang yang disenaraikan itu menjadi milik kepada Defendan; d

8. Mahkamah menolak tuntutan Defendan, Mat Sharei bin Yaakub, KP: 3755191/510101-03-5289 ke atas Plaintiff, Che Mas binti Abdullah, KP: 6288468/610913-03-5020, untuk mendapat bayaran balik wang pembiayaan yang telah disumbangkan oleh Defendan berjumlah RM8000.00 bagi membesar rumah di No. 4, Perumahan Kampung Rhu Rendang, 21600 Marang. e

*f*

**Peguam Syarei:***a*

Plaintif : *Pn. Wan Norisah binti Wan Musa dari Biro Bantuan Guaman, Kuala Terengganu, Terengganu*

Defendant : *Tuan Haji Mukhtar bin Abdullah dan Cik Asmayani Suhaida binti Kamaruddin dari Tetuan Zamani Mohamad & Co.*

**b Surah Yang Dirujuk :**

1. Surah *al-Baqarah* ayat 228.
2. Surah *A-li 'Imraan* ayat 77.
3. Surah *al-Nisa'* ayat 11.

**Hadis Yang Dirujuk :***c*

1. *Sunan al-Turmizi, al-Matbaah al-Bab al-Halabi*, Jilid. 3, 1937 mukasurat 625.

**Kitab-Kitab Yang Dirujuk :***d*

1. Al-Imam Abu Abdullah Muhammad bin Idris al-Shafei, *al-Umm*, Jil. 10, Dar al-Qutaibah, Beirut, Labenon, 1996, mukasurat 328.

*e*

2. Sayyid Abdul Rahman b. Muhammad bin Hussain bin Umar, *Bughyah al-Mustarsyidin*, mukasurat 159.

3. Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, , Jil. 2, Juz. 6,7,8,9 dan 10, Cet.4, 1403/1983, Dar al-Fikr, Beirut Labenon.

4. Al-Allamah Abi Bakr Othman bin Muhammad Shatta al-Dimiyati al-Bakri, *I'aanah al-Talibin*, Juz. 4, Cet. 1, 1997/1418, Dar al-Fikr, Beirut, Labenon, mukasurat 87 dan 290.

5. Ibn. Qayyim al-Juziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syariyyah*, Dar al-Ihya' al-Ulum, Beirut, mukasurat 30.

*f*

6. Ibn. Rusyd al-Hafid, al-Imam al-Qadi Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Rusyd al-Qurtuby al-Andalusi, *Bidayah al-Mujtahid*, Dar al-Fikr, Juz. 2, mukasurat 347.

7. Dr.Wahbah al-Zuhaily, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Juz. 6, 1409/1989, Dar al-Fikr, Damsyik, Syria, mukasurat 588 dan Juz. 8 mukasurat 273. *a*
8. Al-Syeikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Jil. 2, Dar al-Fikr, mukasurat 3 dan Jil. 3 mukasurat 3 dan 4.
9. Haji Mahsin Haji Mansor, *Undang-Undang Perdagangan Dalam Islam*, Penerbitan Alharamain (M) Bhd., Kuala Lumpur, Cet. 1, 1984, b mukasurat 37.
10. Nor Mohamad Yakcop, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, 1996, Utusan Publication & Distributers Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, mukasurat 80.
11. Dr.Abdul Karim Zaidan, *Nizam al-Qada' Fi al-Syariah al-Islamiah*, 1418/1997, Mu'assasah al-Risalah, Beirut, Lebanon, mukasurat 93 hingga 95. *c*

### Kes-kes Yang Dirujuk

1. Roberts @ Kamarulzaman *Iwn* Umi Kalthom [1996] 1 MLJ 163.
2. Boto binti Taha *Iwn* Jaafar bin Muhamed [1985] 2 MLJ 98.
3. Awang bin Abdul Rahman *Iwn* Shamsuddin bin Awang dan Satu lagi *d* [1998] 6 MLJ 231.
4. Mansyur bin Abdul Rahman *Iwn* Kamariah bte Noordin JH (1410H) 289.
5. Zainoon *Iwn* Mohamed Zain JH (1403H) 160.
6. Yang Chik binti Hashim *Iwn* Abdul Jamal bin Abdul Rahim JH (1409) 146. *e*
7. Noor Bee *Iwn* Ahmad Shanusi JH (1401H) 1 Bhgn. II 63.
8. Zainuddin bin Haji Ariffin *Iwn* Anita bt Abdullah JH (1404H) 73.

### Undang-Undang Yang Dirujuk :

1. *Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam f (Terengganu)* 1985 sek. 2 dan 57.

- a 2. *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1986 sek.32.*
- 3. *Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001,sek. 11(3) dan sek. 27(2).*
- 4. *Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 sek.248(2).*
- b 5. *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.*
- 6. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 sek.73.*

**Alasan Penghakiman Dato' Haji Ismail bin Yahya, HMTS.**

c Tuntutan yang didengar di hadapan saya mulai 9 Julai 2001 ini ialah tuntutan untuk mensabitkan harta sepencarian ke atas harta-harta alih dan harta tak alih yang dibuat tuntutan oleh Plaintiff sebagai akibat dari berlakunya perceraian antara Plaintiff dengan Defendan. Defendan pula turut membuat tuntutan balas. Plaintiff di dalam kes ini Che Mas binti Abdullah, KPT: 610913-03-5020, manakala Defendan pula ialah Mat Sharie bin Yaacob; 510101-03-5289.

d Sukacita saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih saya kepada wakil kedua-dua belah pihak di atas sumbangan kebijaksanaan mereka sepanjang kes tuntutan ini dikendalikan oleh saya. Plaintiff diwakili oleh Puan Wan Norisah binti Wan Musa, Pembantu Undang-undang daripada Biro Bantuan Guaman Negeri Terengganu, manakala Defendan diwakili oleh Peguam Syarie, Tuan Haji Mukhtar bin

e Abdullaah dan Cik Asmayani Suhaida binti Kamaruddin daripada Tetuan Zamani Mohammad & Co. Wakil kedua-dua belah pihak bukan saja membantu saya semasa saya menjalankan perbicaraan kes tuntutan ini bahkan turut membantu saya dalam membuat penghakiman kerana mereka berdua turut menyediakan penggulungan hujah pihak masing-masing secara bertulis. Saya berpendapat mutu penggulungan hujah

f sebagaimana yang telah disediakan itu telah meningkat dan saya berkeyakinan Insya Allah akan dapat membantu mempertingkatkan penghakiman dalam perundangan Islam.

Fakta di dalam kes di hadapan saya ini ialah Plaintiff telah diakad nikah dengan Defendan pada 30 Mei 1980 di Kuantan, Pahang. Perkahwinan Plaintiff dengan Defendan itu diatur oleh orang tua kedua belah pihak. Ibu kepada Plaintiff adalah saudara kepada ibu Defendan. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang, Terengganu dalam kes permohonan perintah mengenai perceraian, Kes No: MRSMDM 91-030-30-98, pada 25 Oktober 1998, antara lain telah memutuskan telah berlaku perceraian antara Mat Sharie bin Yaacob No. KPT: 510101-03-5289 dengan Che Mas binti Abdullah No. KPT: 610913-03-5020 pada 9hb Ogos 1998 dengan perceraian talaq satu kali pertama (*raj'i*) di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah. Dalam kes permohonan perintah mengenai perceraian, kes no: MRSMDM 91-030-30-98, pada 25 Oktober 1998 itu, Mahkamah Rendah Syar'iah Daerah Marang telah tidak membuat sebarang perintah mengenai harta sepencarian antara Plaintiff dengan Defendan.

Pada 1 Jun 1999 barulah Plaintiff mendaftar tuntutan harta sepencariannya di dalam Mahkamah ini. Plaintiff telah menuntut supaya harta-harta berikut disabitkan harta sepencarian antara Plaintiff dengan Defendan;

1. Sebuah rumah yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Defendan di atas tanah lot no. 01909 Mukim Rusila dengan harta tanah dan rumah bernilai RM125,000.00; tuntutan dibuat berdasarkan tempoh masa bayaran yang telah dibuat semasa tempoh perkahwinan selama 9 tahun 11 bulan. Potongan dari gaji Defendan mulai bulan Disember 1988 hingga Oktober 1998 dikira RM735.74 x 119 bulan berjumlah RM87,553.06;
2. Tanah yang dibeli di Bukit Gasing, lot 4497, Keterangan Tanah GM 2759 Mukim Pulau Kerengga, Marang, yang dinilai dengan harga RM3,000.00.
3. Tanah dibeli di Gong Nangka (tiada geran lagi) bernilai RM4,000.00;
4. Sebuah kenderaan jenis van, nombor daftar TR 7416, berharga RM40,783.00;
5. Sebuah motorsikal, nombor daftar TT 1843, bernilai RM4,000.00.

a

6. Wang daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Defendan, yang didaftar dengan keahlian nombor: 2955759, jumlah setakat Disember 1990 ialah RM36,328.05;

7. Kos tuntutan ini ditanggung oleh Defendan dan ;

b 8. Apa-apa perintah yang difikirkan patut dan munasabah oleh Mahkamah.

Tuntutan Plaintiff ini adalah sebagaimana yang dinyatakan juga di dalam Pernyataan Tuntutan Plaintiff. Di dalam penggulungan hujah bertulisnya, wakil Plaintiff telah membuat tuntutan supaya harta-harta yang dituntut sebagai harta sepencarian itu dibahagi dua antara Plaintiff dan Defendan.

c Defendan pula telah membuat tuntutan balas seperti berikut;

1. Sebuah kenderaan van, pendaftaran no: TR 7416, yang dituntut oleh Plaintiff sebagai harta sepencarian itu, diisyiharkan sebagai harta Defendan;

2. Barang-barang yang sehingga kini masih berada di dalam rumah yang terletak di lot 1909 Mukim Rusila, Marang, diisyiharkan sebagai harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan. Barang-barang berkenaan ialah;

a)	sebuah TV Toshiba 20"	RM1,000.00
b)	sebuah mesin basuh	RM2,000.00
c)	dua bidang permaidani	RM1,000.00
d)	4 set bed spread	RM 800.00
e)	almari solek (antik)	RM2,000.00
f)	almari pakaian	RM 800.00

e

3. Plaintiff dikehendaki membayar balik wang pembiayaan yang telah disumbangkan oleh Defendan berjumlah RM8,000.00 untuk membesarkan rumah di No. 4, Perumahan Kampung Rhu Rendang, 21600 Marang; dan

f 4. Segala tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos.

*a*

Saya berpendapat terdapat beberapa fakta persoalan di dalam kes ini. Persoalan pertama ialah mengenai bidangkuasa Mahkamah. Di dalam negeri Terengganu pada masa ini terdapat dua peruntukan undang-undang mengenai tuntutan harta sepencarian.

**Peruntukan pertama** adalah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen-seksyen 2 dan 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, 1985. Seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, 1985 memperuntukkan;

*b*

57.(1) *Mahkamah mempunyai kuasa, apabila menbenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian, memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*

*c*

(2) *Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh sub-seksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang -*

*d*

(a) *takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;*

b) *apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;*

*e*

c) *keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,*

*dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah mirip kepada membuat pembahagian yang sama banyak.*

*f*

- a* (3) Mahkamah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan itu dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.
- b* (4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh sub-seksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada -
- c* (a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;
- d* (b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimanapun, pihak yang telah memperolehi aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.
- e* (5) Bagi maksud-maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

Di dalam seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 pula telah membuat tafsiran berkanun, “*harta sepencarian*” ertinya harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syara’. Manakala peruntukan seksyen 57 sebagaimana yang dinyatakan itu sebenarnya menghuraikan lagi makna harta sepencarian mengikut undang-undang. Sebenarnya di dalam peruntukan seksyen 57 itu tidak ada pun perkataan “*harta sepencarian*” kecuali pada nota birainya saja. Dari peruntukan seksyen 57 ini dan jika dibaca bersama dengan tafsiran berkanun “*harta sepencarian*” sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 2, kita boleh sampai kepada memahami kehendak undang-undang bahawa maksud harta sepencarian itu boleh wujud dalam tiga keadaan, iaitu;

**Pertama;** harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha bersama mereka;

**Kedua;** harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu; dan

**Ketiga;** aset-aset yang dippunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama suami isteri.

Walau pun begitu, saya berpendapat mengikut peruntukan seksyen 57 Enakmen Terengganu Bilangan 12 tahun 1985 itu, masa untuk membuat tuntutan ke atas harta sepencarian hanyalah terbatas kepada dua keadaan sahaja iaitu;

1. semasa perceraian secara lafaz *talaq* akan berlaku; dan
2. semasa Mahkamah membuat suatu perintah perceraian, iaitu dalam hal;

- a a) perceraian secara lafaz *talaq* telah berlaku di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah;  
b) perceraian berlaku oleh kerana lafaz *ta'liq talaq* selain dari yang telah dilafazkan oleh suami tatkala selesainya satu-satu akad nikah perkahwinan.
- b **Peruntukan kedua**, semasa kes ini mula didaftarkan dan semasa pendengaran, tuntutan harta sepencarian ini dikendalikan mengikut peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986. Subseksyen 32(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 memperuntukkan;

*Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah –*

- c (a)...  
(b)dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala perguaman dan prosiding di mana semua pihak beragama Islam dan yang berhubung dengan  
(i)...  
(ii)...  
(iii)pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;  
d (iv)...  
(v)...  
(vi)...  
(vii)...; dan  
(viii)...  
(c)...

- e Subseksyen 32(2) pula memperuntukkan;  
*Mahkamah Rendah Syar'iah hendaklah –*

- (a)...  
(b)dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala perguaman dan prosiding di mana semua pihak beragama Islam dan yang berhubung dengan –

f

- (i)...
- (ii)...
- (iii)...
- (iv) *pembahagian tuntutan harta sepencarian, jika nilai harta sepencarian itu tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; dan*
- (v)...

*a**b*

Walau bagaimanapun mulai 1 Ogos 2002, beberapa enakmen baru telah berkuatkuasa di dalam Negeri Terengganu. Antara enakmen-enakmen itu yang ada kaitan dengan kes ini ialah;

- 1 ) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) Bil. 3 Tahun 2001 ;
- 2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 Enakmen Terengganu Bil. 4 Tahun 2001;
- 3) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001; dan
- 4) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) Bil. 2 Tahun 2001.

*c**d*

Subseksyen 27(2) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, memperuntukkan;

*Mana-mana perkara yang belum selesai sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini di hadapan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasa itu, didengar atau diteruskan dan dibereskan oleh Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, masing-masingnya yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini.*

*e*

Subseksyen 248(2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 pula memperuntukkan;

*f*

- a      *Jika mana-mana kes atau perkara belum selesai di hadapan mana-mana Mahkamah pada permulaan kuatkuasa Enakmen ini, peruntukan Enakmen ini hendaklah terpakai berkenaan dengan prosiding kes atau perkara itu setakat yang tidak menyebabkan ketidakadilan.*
- b      Subseksyen 11(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;
- Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –*
- (a)....
- (b)dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –
- (i)...
- (ii)...
- (iii)...
- (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
- (v)...
- (vi)...
- c      (vii)...
- (viii)...
- (ix) ...
- (x)...
- (xi)... ; dan
- (xii) ...
- d
- e      Semua peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1986, telah dimansuhkan tatkala Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M dikuatkuasakan, iaitu pada 1 Ogos 2002. Subseksyen 107(1) Enakmen Terengganu Bil. 2 Tahun 2001 itu memperuntukkan;
- f      *Apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, Enakmen terdahulu adalah dimansuhkan.*

Saya berpendapat subseksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001 tidak membataskan masa dan keadaan tuntutan harta, sepencarian boleh dibuat dan adalah lebih luas dari peruntukan seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985, yang mana membataskan masa dan keadaan tuntutan harta sepencarian boleh dibenarkan oleh Mahkamah kepada dua keadaan sahaja iaitu;

1. semasa perceraian secara lafaz *talaq* akan berlaku; dan a
2. semasa Mahkamah membuat suatu perintah perceraian, iaitu dalam hal;
  - a) perceraian secara lafaz *talaq* telah berlaku di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah; b
  - b) perceraian berlaku oleh kerana lafaz *ta'liq talaq* selain dari yang telah dilafazkan oleh suami tatakala selesainya satu-satu akad nikah perkahwinan, c

Oleh yang demikian dalam mentadbir tuntutan harta sepencarian, saya berpendapat peruntukan di dalam subseksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001 sebagaimana disebut di atas adalah diguna pakai. Selain dari itu peruntukan di dalam subseksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001 itu lebih menepati dengan Hukum Syarak sebagaimana yang diperuntukkan di dalam kitab *al-Um*, jilid kesepuluh, cetakan Dar al-Qutaibah, Beirut, Lebanon, cet. 1, 1996, muka 328 ada menyebut; d

قال الشافعي رحمة الله تعالى إذا اختلف الرجل والمرأة في متباع البيت  
 الذي هما فيه ساكنان وقد افترقا أو لم يفترقا أو ماتا أو مات أحد هما  
 فاختللا ورثتهما أو ورثة أحد هما بعد موته فذلك كله سواء e

- a *Yang bererti;*  
 "Imam Syafei telah berkata, "Apakala berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (bercerai); atau sekali pun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia; yang mana dalam keadaan kedua semua isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka meninggal dunia, berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa ...."
- b
- c Dalam masyarakat kita, ada terdapat aset yang diperolehi mengikut sumbangan suami isteri dalam masa perkahwinan suami isteri dikehendaki didaftarkan dalma satu nama sahaja. Mengenai kedudukan seperti inilah, ada kedapatan aset yang sebegini didaftarkan di atas nama suami, dan ada juga kadang kala didaftarkan atas nama isteri. Oleh yang demikian aset yang mempunyai kedudukannya seperti ini juga boleh dituntut sebagai harta sepencarian.
- d Sekiranya dilihat kepada peruntukan Hukum Syarak sebagaimana yang dijelaskan di atas, sudah tentu masih banyak keadaan yang mana tuntutan ke atas harta sepencarian boleh dibuat, tidak hanya setakat yang dirangkumi oleh seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 itu saja. Sebagai contohnya; dalam masa ikatan perkahwinan masih lagi berkuatkuasa, misalan, suami melakukan poligami, dan bagi mengelakkan diri teranaiya, isteri berpendapat dia adalah layak untuk menuntut harta sepencarian; dalam keadaan sedemikian isteri adalah layak untuk membuat tuntutan itu. Begitu juga suami, misalannya, sejak kebelakangan ini suami selalu saja ditimpa sakit-sakit, ada beberapa harta yang pada pendapat suami adalah harta sepencarian dan telah didaftarkan atas nama isteri, dan bagi maksud memelihara dirinya daripada teranaiya serta untuk masa depan anak-anak, suami berpendapat dia adalah layak untuk menuntut ke atas harta sepencarian itu, walau pun masih dalam ikatan perkahwinan yang sah.

Misalan yang lain yang mana peruntukan seksyen 57 Enakmen Terengganu Bil. 12/1985 itu tidak merangkumi ialah; berlakunya lafaz perceraian secara *talaq* di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah antara satu pasangan, dan mereka memohon kepada Mahkamah kemudiannya bagi mensabitkan berlakunya perceraian itu semata-mata, kononnya supaya kes mereka ini tidak berlanjutan masa; selang tidak berapa lama kemudian, salah satu pihak membuat tuntutan harta sepencarian ke atas harta yang didakwa sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha bersama mereka.

a

Berdasarkan huraihan dan andaian sebagaimana yang disebut di atas, saya berpendapat peruntukan di dalam subseksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 dan Hukum Syarak menurut sebagaimana yang telah diperuntukan di dalam kitab *al-Um* sebagaimana yang telah disebut diatas tadi adalah menepati dengan fakta di dalam kes yang berada di hadapan saya ini.

c

Di dalam tuntutan di hadapan saya ini, mengikut peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas, saya berpuashati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah ini mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan tuntutan yang berada di hadapan saya ini.

d

Fakta persoalan kedua, adakah harta sepencarian yang ditakrifkan mengikut Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak itu ianya merupakan adat Melayu; atau adat Melayu yang diakui dan diberi pengiktirafan undang-undang (العادة حكمة), atau adakah ianya ketetapan yang diperuntukkan di dalam Hukum Syarak?

e

Menjawab persoalan ini, mengikut kes-kes yang telah diputuskan saya dapati, ada yang berpendapat bahawa harta sepencarian adalah merupakan adat Melayu semata-mata.

Pendapat yang mengatakan bahawa harta sepencarian adalah adat Melayu semata-mata boleh dilihat di dalam keputusan kes-kes berikut;

f

- a Di dalam kes *Roberts @ Kamarulzaman lwn Umi Kalthom* [1996] 1 MLJ 163, Yang Arif Hakim Raja Azlan Shah antara lain telah berpendapat;

*"Satu prinsip yang dikutip daripada kes-kes yang dirujuk menetapkan bahawa harta sepencarian merupakan perkara mengenai adat Melayu dan hanya boleh digunakan kepada kes suami atau isteri yang diceraikan yang menuntut terhadap isteri atau suaminya di sepanjang waktu mereka hidup bersama; peraturan undang-undang ini adalah undang-undang tempatan yang mesti diberi pengiktirafan kehakiman oleh Mahkamah dan ini adalah tugas Mahkamah menentukannya."*

- b Di dalam kes ini persoalan yang timbul samada seseorang suami Islam yang bercerai boleh menuntut setengah bahagian sebagai harta sepencarian ke atas harta takalih yang diperolehi bersama oleh kedua-dua suami isteri dalam tempoh perkahwinan mereka tetapi telah didaftarkan atas nama isteri. Di dalam kes ini Plaintiff yang telah menceraikan Defendant, telah menuntut setengah bahagian sebuah rumah di Setapak, Kuala Lumpur, yang telah dibeli pada masa mereka masih dalam ikatan perkahwinan dengan harga RM50,000, yang daripadanya Plaintiff telah mengeluarkan RM40,000 sementara Defendant mengeluarkan RM10,000. Harta itu telah didaftarkan atas nama Defendant. Defendant menghujahkan bahawa Plaintiff telah memberikan harta kepada Plaintiff sebagai hadiah.

Telah diputuskan bahawa;

- c 1) Harta itu diperolehi melalui usaha bersama kedua-dua pihak dan oleh itu ia adalah harta sepencarian dan atas keterangan di dalam kes ini Defendant telah gagal mempastikan dengan jelas bahawa Plaintiff berniat menjadikan harta itu hadiah dan memberikannya kepada Defendant;
- e 2) Seseorang suami Islam yang bercerai boleh menuntut setengah bahagian sebagai harta sepencarian atas harta takalih yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa mereka hidup bersama dan fakta bahawa tanah itu telah didaftarkan atas nama isteri tidaklah merupakan halangan kepada tuntutannya kerana peruntukan Kanun Tanah berhubung dengan tidak boleh

disangkal hak milik di atas tanah yang telah didaftarkan tidaklah mempengaruhi perkara-perkara yang berkaitan dengan harta sepencarian;

- 3) Dalam kes ini Plaintiff berhak mendapat satu bahagian di dalam harta itu dan Mahkamah adalah bersedia memberikan bahagian yang sama kepada setiap pihak sekiranya mereka bersetuju.

Di dalam kes *Boto' binti Taha lwn. Jaafar bin Muhammed* [1985] 2 MLJ 98, Yang Amat Arif Tan Sri Salleh Abas (Hakim Besar Malaya, pada masa itu) membuat keputusan kes Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Terengganu, antara lain berpendapat;

*"Harta sepencarian adalah lebih berdasarkan adat yang diamalkan oleh orang-orang Melayu daripada berdasarkan kepada hukum perundangan Islam. Ianya dipakai di Indonesia dan harta-harta yang tertakluk kepadanya dinamakan syarikat."*

Seterusnya Yang Amat Arif Hakim menyebut;

*"Di bawah seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Terengganu) 1955, memperuntukkan tafsiran harta sepencarian seperti berikut;*

*"Harta Sepencarian" maknanya pendapatan-pendapatan daripada pencarian, atau harta benda yang telah diperolehi hasil daripada tenaga bersama antara suami dan isteri dan termasuklah pendapatan daripada modal iaitu modal yang telah dikumpul daripada tenaga bersama."...*

*"Oleh itu, apabila sahaja dibuktikan bahawa satu harta itu telah diperolehi sedemikian itu atau bahawa pihak yang menuntut telah membantu dalam usaha tersebut, undang-undang membuat anggapan bahawa harta itu adalah harta sepencarian dan oleh yang demikian itu pihak yang menafikan tuntutan itu dikehendaki menolak anggapan tersebut."*

a Di dalam kes ini Plaintiff telah menuntut dari bekas suaminya setengah bahagian dari harta yang diperolehi dalam perkahwinan mereka. Harta yang dimaksudkan itu termasuk tanah dan rumah, perahu ikan, jala ikan dan warung ikan. Apabila Plaintiff berkahwin dengan Defendan, Plaintiff telah meninggalkan kerjanya sebagai pembantu kedai di sebuah restoran dan dalam masa perkahwinan, apabila Defendan keluar rumah kerana urusan perniagaan ikannya, ianya ditemani sama oleh Plaintiff.

b Di dalam kes ini diputuskan;

Harta yang terlibat dalam tindakan guaman dalam kes ini disabitkan sebagai harta sepencarian dan selain dari perahu (yang didaftarkan atas nama mereka bersama) hendaklah dibahagi satu pertiga kepada Plaintiff dan dua pertiga kepada Defendan. Perahu yang didaftar atas nama mereka bersama hendaklah dibahagi dua sama rata.

c Ada yang berpendapat bahawa harta sepencarian adalah adat Melayu yang diakui dan diberi pengiktirafan undang-undang (العادة عَكْمَة). Pendapat sebegini dapat dilihat di dalam kes berikut;

Di dalam kes *Awang bin Abdul Rahman lwn Shamsuddin bin Awang dan satu lagi* [1998] 6 MLJ 231, kes tuntutan harta sepencarian di dalam Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, yang mana antara lain Hakim bicara berpendapat seperti berikut:

e “Mahkamah berpendapat walaupun tidak ada perkataan harta sepencarian di dalam Hukum Syara’ secara nyata, namun ianya adalah merupakan adat Melayu yang telah diiktibar dan mendatangkan kebaikan kepada kaum wanita khususnya di tempat kita ini.

f Di dalam Islam apabila sesuatu adat atau ‘uruf telah diakui kebaikannya dan telah diberi pengiktirafan undang-undang, kedudukannya tidak lagi sebagai adat, akan tetapi ianya bertukar menjadi suatu peraturan atau perundangan yang mesti diikuti dan dikuatkuasa.”

Di dalam kes tersebut, Yang Menuntut, Awang bin Abdul Rahman telah menuntut kepada Mahkamah supaya, mengisyiharkan tanah yang memakai keterangan MG2283, Lot 7860 Mukim Kuala Neris, Daerah Kuala Terengganu, adalah harta sepencarian antara Nik binti Abdul Rahman – simati (ibu kepada Yang Menuntut) dengan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail – simati (bapa kepada pihak Yang Kena Tuntut yang juga bapa tiri kepada Yang Menuntut). Yang Kena Tuntut terdiri daripada Shamsuddin bin Awang dan Zainuddin bin Awang, iaitu anak-anak kepada bapa tiri Yang Menuntut. Yang Menuntut juga telah menuntut supaya harta yang dituntut sebagai harta sepencarian itu dibahagi dua (50 – 50) antara Nik binti Abdul Rahman, ibu Yang Menuntut dengan Abd. Rahman @ Awang bin Ismail, bapa tiri Yang Menuntut.

*a*

*b*

Di dalam kes tersebut telah diputuskan;

1. Mahkamah tidak dapat mensabitkan tanah yang memakai keterangan MG2283, Lot 7860 Mukim Kuala Neris, Daerah Kuala Terengganu, sebagai harta sepencarian antara Abdul Rahman @ Awang bin Ismail dengan Nik binti Abdul Rahman;
2. Mahkamah sabit tidak berlakunya hibah antara Abdul Rahman @ Awang bin Ismail dengan Awang bin Abdul Rahman, Yang Menuntut, kira-kira sebulan selepas 24 Oktober 1977; dan
3. Mahkamah menolak tuntutan harta sepencarian Awang bin Abdul Rahman denga kos.

*c*

*d*

*e*

Ada yang berpendapat bahawa harta sepencarian sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang itu ada diperuntukkan di dalam Hukum Syarak. Pendapat sebegini boleh dilihat di dalam kes-kes berikut;

Di dalam kes *Mansjur bin Abdul Rahman lwn Kamariah bte Noordin* JH (1410)H, 289, Tan Sri Ahmad Ibrahim memberi keputusan Jawatankuasa Rayuan, Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, antara lain berpendapat;

*f*

a      *"Sebaliknya Mahkamah Syariah dan Jawatankuasa Rayuan Syarie di dalam usaha mengena dan mentadbirkan undang-undang Islam hendaklah cuba mencari sokongan bagi undang-undang harta sepencarian di dalam ilmu hukum Islam."*

b      *Mungkin tidak terkeluar jika kami menyebutkan bahawa di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), 1984 harta sepencarian ditakrifkan sebagai "harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak."*

c      Seterusnya di dalam kes itu Tan Sri Ahmad menambah dengan berpendapat;

*"Ulamak-ulamak yang disebut di atas itu mungkin menumpukan perhatian mereka kepada kes musha' di mana harta suami dan isteri telah tercampur. Akan tetapi prinsip-prinsip yang disebutkan itu boleh juga diperluaskan kepada kes harta sepencarian."*

d      Di dalam kes itu, terkilan dengan keputusan Yang Arif Kadi Besar Wilayah Persekutuan dalam kes tuntutan harta sepencarian oleh Kamariah bte Noordin, Mansjur bin Abdul Rahman telah membuat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan, Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan. Fakta di dalam kes ini ialah pihak-pihak yang telah berkahwin pada 13.9.1959 dan telah bercerai pada 11.9.1970. Dalam masa perkahwinan, Perayu telah diberi hak penerokaan tanah kerajaan rancangan berkelompok di Kampung Sungai Midah. Pasangan suami isteri ini telah tinggal di situ hingga perceraian mereka pada 11.9.1970. Kemudian Kerajaan telah menukar rancangan itu kepada rancangan memajukan tanah-tanah tersebut kepada rancangan lot perumahan. Perayu telah dibayar ganti rugi.

e      Penentang Rayuan telah membuat tuntutan mendapatkan bahagiannya atas tanah itu dan Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan telah membuat keputusan bahawa tanah tersebut dibahagi dua sama banyak. Semasa kes ini dibawa di hadapan Kadi Besar Wilayah Persekutuan, Yang

Arif Kadi Besar telah memutuskan bahawa beliau mempunyai bidangkuasa membicara kes ini dan beliau memutuskan bahawa harta yang dipertikaikan itu adalah harta sepencarian. Yang Arif Kadi Besar juga telah menghukumkan Perayu hendaklah memberi separuh apa yang dia terima dari Syarikat Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd., bagi tanah itu kepada pihak Penentang Rayuan. Jawatankuasa Rayuan, Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan telah menolak rayuan Perayu dan keputusan Yang Arif Kadi Besar adalah benar apabila memutuskan bahawa Kadi Besar mempunyai bidangkuasa mendengar kes itu dan seterusnya memutuskan harta itu dibahagi sebagai harta sepencarian. Juga diputuskan bahawa Yang Arif Kadi Besar telah menjalankan budibicaranya dengan sah apabila Yang Arif membahagikan pampasan yang diterima oleh Perayu untuk tanah itu dengan bahagian yang sama antara Perayu dan Penentang Rayuan.

Di dalam kes *Zainoon Iwn. Mohamed Zain* JH[1402H] 160, semasa di dalam Mahkamah mula bicara iaitu, Mahkamah Syariah Singapura, antara isu yang timbul ialah Yang Mendakwa menuntut supaya suaminya, Yang Kena Dakwa, membayar ganti rugi yang mana dia telah menghabiskan wangnya untuk menghias rumah yang dibeli dengan nama suaminya iaitu rumah No. 164, Jalan Sarina, Singapura. Dia telah memperhiaskan dapur, lantai bilik dan lain-lain yang berjumlah kesemuanya sebanyak \$11,000 dan dia telah membelanjakan sedemikian sewaktu mereka baru pindah ke rumah berkenaan dengan sekali gus. Suaminya, Yang Kena Tuntut menafikan tuntutan isterinya itu dengan alasan bahawa isterinya itu tidak memberi apa-apa wangnya untuk menghias rumah itu walaupun isterinya pada masa itu bekerja. Suami mendakwa bahawa perbelanjaan untuk membeli rumah itu adalah hasil dari potongan gajinya manakala untuk menghias rumah pula adalah melalui pinjamannya dari Syarikat Guru-Guru Melayu Singapura sebanyak \$6,000 dalam dua kali pinjaman. Kedua-dua Yang Menuntut dan Yang Kena Tuntut tidak mempunyai saksi untuk menguatkan dakwaan masing-masing. Oleh yang demikian, Haji Salleh bin Haji Mohamed Piah, Yang di Pertua Mahkamah Syariah Singapura pada masa itu telah mengarahkan pembuktian melalui sumpah. Kedua-dua pihak bersumpah. Antara lain Yang di Pertua Mahkamah Syariah Singapura di dalam kes ini berpendapat;

*a*

“.....keputusan adalah dibuat mengikut apa yang diterangkan di dalam kitab I'aanah al-Talibin, muka surat 265 katanya yang bermaksud;

*b*

“Jikalau suami isteri bertelingkah di atas perkakas rumah sekalipun pertelingkahan mereka kemudian daripada bercerai atau lain walhal mereka tidak ada saksi dan tidak dapat menentukan bagi salah satu daripadanya, maka hendaklah tiap-tiap seorang daripada mereka bersumpah dan apabila mereka bersumpah maka perkakas itu dibahagikan kepada kedua-duanya dengan sama banyak.”

*c*

Begitu juga yang diterangkan di dalam kitab Al Bajuri, muka surat 359 katanya yang bermaksud,

*d*

“Jikalau kedua-duanya mendakwa sesuatu yang ia adalah di dalam milik salah satu daripadanya maka kata pemutusnya ialah pemilik itu sendiri dengan sumpahnya tetapi jikalau sesuatu di dalam milik kedua-duanya maka kedua-duanya hendaklah bersumpah kemudian barang-barang itu dibahagikan kepada kedua-duanya dengan sama banyak, ini termasuklah hamparan yang didudukinya dan unta yang ditungganginya dan juga rumah yang didiaminya.”

Di dalam kitab Al Muhaazab, karangan Sheikh Abi Ishak Ibrahim al-Syarazi, juzuk kedua, muka surat 318 bermaksud;

*e*

“Jikalau kedua-duanya mendakwa perkakas rumah dan begitu juga rumah yang didudukinya padahal kedua-duanya tidak mempunyai saksi, maka hendaklah kedua-duanya bersumpah dan selepas itu maka hartanya dibahagi di antara kedua-duanya sama banyak.”

*f*

Di dalam *Bulugh al-Maram*, juzuk empat, muka surat 633 yang mana maksud hadis tersebut yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah radiallahhuhanhu bahwasanya Rasulullah s.a.w. telah membahagiakan sama banyak di antara dua orang yang bertelingkah di atas seekor binatang (masing-masing mendakwa adalah kepunyaannya) setelah kedua-duanya bersumpah begitu juga keterangan yang boleh didapati di kitab-kitab yang lain bagi Mazhab Shafie.”<sup>a</sup>

Pendapat ketiga ini melalui kes-kes yang disebut itu pada pendapat saya adalah bersandarkan kepada pendapat Imam Syafie sendiri. Di dalam kitab *al-Um*, jilid kesepuluh, cetakan Dar al-Qutaibah, Beirut, Lebanon, cet. 1, 1996, muka surat 328 ada menyebut;

قال الشافعي رحمة الله تعالى إذا اختلف الرجل والمرأة في مثابع البيت  
 الذي هما فيه ساكنان وقد افترقا أو لم يفترقا أو ماتا أو مات أحدهما  
 فاختلاف ورثتهما أو ورثة أحدهما بعد موته فذلك كله سواء والمثابع إذا  
 كانا ساكني البيت في أيديهما معاً فالظاهر أنه في أيديهما كما تكون الدار  
 في أيديهما أو في يد رجلين فيحلف كل واحد منهما صاحبه على  
 دعواه فإن حلفاً هبّعاً فالمثابع بينهما نصفان لأن الرجل قد يملك مثابع  
 النساء بالشراء والميراث وغير ذلك والمرأة قد تحمل مثابع الرجال بالشراء  
 والميراث وغير ذلك فلما كان هذا ممكناً وكان المثابع في أيديهما لم يجز أن  
 يحكم فيه إلا بهذا لكتابنة الشيء في أيديهما<sup>c</sup>

- a Yang bererti;  
“Imam Syafei telah berkata, “Apakala berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (bercerai); atau sekali pun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, yang mana dalam keadaan kedua suami isteri meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa, iaitu; bagi perkakas rumah apabila kedua-duanya sama-sama menduduki sebuah yang menjadi milik bersama mereka, maka pada zahirnya perkakas-perkakas di dalam rumah itu adlaah menjadi milik bersama suami isteri itu. Jika perkakasan rumah yang dipertelingkahan itu berada di dalam pegangan dua orang lelaki lain, andainya salah seorang daripada pemegang perkakasan itu bersumpah mengatakan bahawa perkakasan itu adalah milik salah satu daripada kedua pihak yang bertelingkah dan seorang pemegang perkakasan yang lain pula bersumpah mengatakan bahawa perkakasan itu adalah milik pihak yang satu lagi, maka hendaklah diputuskan bahawa perkakasan itu dibahagi dua di antara pihak-pihak yang bertelingkah. Haruslah diperhatikan bahawa, kadangkala lelaki memiliki perkakasan perempuan dengan cara membelinya, mewarisi dan sebagainya; begitu juga kadangkala perempuan memiliki perkakasan lelaki dengan cara membelinya, mewarisi dan sebagainya. Oleh yang demikian tidaklah boleh, di dalam pertikaian seperti ini, dihukum selain dari cara ini....”
- f

Di dalam kitab *Bughyah al-Mustarsyidin*, oleh Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar, muka 159 ada menyebut; <sup>a</sup>

اختلفت مال الزوجين ولم يعلم لأيهما أكثر ولا قرينة تميز أحدهما وحصلت بينهما فرقة أو موت لم يصح لأحدهما ولا وارثه تصرف في شيء منه قبل التمييز أو الصلح إلا مع صاحبه إذ لا مرجع كما قالوا فيما لو اختلفت حامهما، وحيثند فإن أمكن معرفتهما وإلا وقف الأمر حتى يصطلح الزوجان أو ورثهما بلفظ صلح أو تواهب بتساو أو تفاوت إن كانوا كاملين، ويجب أن لا ينقص عن النصف في الخجور، نعم إن جرت العادة المطردة بأن أحدهما يكسب أكثر من الآخر كان الصلح والتواهب على نحو ذلك، فإن لم يتفقوا على شيء من المال فالقول قوله بيمنه أنه ملكه، فإن كان بيدهما فلكل تحريف الآخر ثم يقسم نصفين. <sup>b</sup> <sup>c</sup>

*Yang bererti;*

“Telah bercampur harta suami isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak – tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya – kemudian berlaku perpisahan antara keduanya ataupun mati, maka tidak sah salah seorang daripada mereka (suami isteri) atau warisnya memerintah (mengguna) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat dibezaikan ataupun sebelum dibuat perdamaian (al-Sulh), kecuali bersama-sama dengan pemiliknya sebab tidak ada murajih (tidak ada tanda yang membezakan). Seperti mereka berkata (masalah ini sama seperti) jika bercampur burung merpati keduanya (suami isteri) di ketika itu (boleh digunakan) jika boleh diketahui / dibezaikan keduanya. Tetapi jika tidak diketahui (tidak dapat dibezaikan), perkara ini hendaklah ditangguh sehingga suami isteri atau waris keduanya berdamai dengan melafazkan (kalimah) perdamaian ataupun menyerah (hibbah) dengan sama banyak atau berlebih kurang jika mereka itu (suami isteri dan waris) orang-orang yang sempurna (bukan mahjur <sup>d</sup> <sup>e</sup> <sup>f</sup>

- a ‘alaihi) dan wajib supaya jangan terkurung (pembahagiannya) daripada setengah (1/2) bagi orang-orang yang mahjur (orang yang tidak dibenarkan mentadbir harta). Tetapi jika berlaku kebiasaan yang tetap bahawa salah seorang dari keduanya (suami isteri) mendapat pendapatan yang lebih banyak dari yang seorang lagi, maka perdamaian (sulh) dan penyerahan (hibah) adalah berdasarkan demikian (lebih kurang). Jika mereka tidak menyetujui suatupun daripada yang demikian, maka pihak yang memiliki sesuatu dari harta (memegang harta) akan didengar cakapnya, melalui sumpahnya; bahawa harta itu miliknya. Tetapi jika harta itu dimiliki oleh kedua-duanya (masing-masing memegang harta) maka masing-masing boleh meminta pihak yang lain bersumpah kemudian (harta itu) dibahagi dua”.
- c Berdasarkan pendapat-pendapat di atas dan kes-kes yang dikemukakan, saya berpuashati bahawa pengertian dan konsep harta sepencarian adalah bersumberkan kepada Hukum Syarak. Konsep harta sepencarian ini telah dijelaskan lagi di dalam kes *Yang Chik binti Hashim lwn Abdul Jamal bin Abdul Rahim*, JH[1409] 146. Di dalam kes ini Yang Arif Dato’ Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, pada masa itu Kadi Besar Mahkamah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, antara lain berpendapat;
- d “Konsep harta sepencarian ialah harta yang diperolehi semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbangkan tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta.”

- e Di dalam kes ini Yang Menuntut telah menuntut dari bekas suaminya, Yang Kena Tuntut, supaya membayar mut’ah, setengah bahagian daripada harga jualan rumah No. 37, Jalan 10/15, Taman Koperasi Polis, Mukim Batu, Kuala Lumpur dan setengah nilaiann harga sebuah kereta BBC 9950. Yang Menuntut mendakwa bahawa rumah itu adalah merupakan harta sepencarian di antara beliau dengan Yang Kena Tuntut dan diperolehi dalam masa mereka hidup sebagai suami isteri.

f

Diputuskan; (i) permohonan Yang Menuntut untuk mendapat bayaran sagu hati perceraian (mut'ah) diluluskan dan Mahkamah perintahkan ke atas Yang Kena Tuntut membayar mut'ah kepada Yang Menuntut mengikut kadar yang ditetapkan oleh Mahkamah iaitu sebanyak RM3,600, dan (ii) Rumah No. 37, Jalan 10/15, Taman Koperasi Polis, Mukim Batu, Kuala Lumpur dan kereta BBC 9950 adalah bukan harta sepencarian dan dengan itu Mahkamah tolak permohonan untuk mendapat setengah bahagian daripada nilaiang harga jualan harta-harta tersebut.

*a**b*

Soalnya adakah harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu juga boleh dituntut sebagai harta sepencarian.

Mengeai persoalan ini, saya berpendapat bahawa asas hubungan antara suami isteri mengikut Hukum Syarak adalah berdasarkan persamaan hak antara lelaki dan perempuan. Mengenai perkara ini Allah S.W.T. berfirman;

*c*

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ

Sebahagian ayat 228 dari Surah *al-Baqarah*

*d*

*Yang bermaksud:*

“.... Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak yakni sebagaimana seseorang isteri menanggung kewajipan terhadap suaminya yang wajib dilaksanakan dengan cara yang baik, maka si suami juga menanggung kewajipan terhadap isterinya yang wajib dilaksanakan dengan cara yang baik); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjah kelebihan (orang-orang lelaki mempunyai “satu darjah kelebihan” atas orang perempuan (isterinya), kerana mereka lah yang berkuasa mengawalnya dan memberi nafkah, sebagaimana yang diterangkan dalam ayat 34, surah *al-Nisa’*) atas orang-orang perempuan (isterinya)...”

*e**f*

- a* Ayat di atas memberikan hak kepada isteri sebanding dengan hak suami kepadanya. Setiap kali isteri diberi sesuatu beban, maka suami pun dikenakan beban yang sebanding dengannya.

Al-Sayyid Sabiq di dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah*, jilid kedua, juzuk-juzuk 6,7,8,9 dan 10, cetakan keempat 1403H/1983M terbitan Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon, menjelaskan perkara ini dengan berpendapat;

- b* **والأساس الذى وضعه الإسلام للتعامل بين الزوجين وتنظيم الحياة بينهما –**  
**هو أساس فطري وطبعي ..... فالرجل أقدر على العمل والكبح والكسب**  
**خارج المنزل، والمرأة أقدر على تدبير المنزل، وتربية الأولاد، وتيسيرأسباب**  
**الراحة البيتية، الطمأنينة المنزلية، فيكلف الرجل ما هو مناسب له، وتتكلف**  
**المرأة ما هو من طبيعتها، وهذا يتنظم البيت من ناحية الداخل والخارج**
- c* **دون أن يجد أي واحد من الزوجين سببا من أسباب انقسام البيت على**  
**نفسه. وقد حكم رسول الله صلى الله عليه وسلم بين علي بن أبي طالب**  
**رضي الله عنه وكرم الله وجهه وبين زوجته فاطمة رضي الله عنها**  
**فجعل على فاطمة خدمة البيت، وجعل على علي العمل والكسب.....**

*d*

*Yang bererti;*

*“Dasar yang ditetapkan oleh Islam dalam mengatur dan menguruskan kehidupan suami isteri adalah merupakan suatu dasar yang sesuai dengan fitrah dan tabiat semulajadi manusia itu sendiri. Lelaki lebih mampu bekerja, bersungguh-sungguh berusaha dan mencari pendapatan di luar rumah, manakala perempuan lebih mampu menguruskan rumah tangga, mendidik anak-anak, menjadikan suasana rumah tangga menyenangkan dan penuh ketenteraman. Oleh kerana itu ditugaskan kepada lelaki kerja-kerja yang sesuai dengan fitrahnya, manakala ditugaskan kepada perempuan dengan tanggungjawab sesuai dengan fitrahnya. Dengan yang demikian, rumah tangga dapat tersusun dengan baik samada di dalam atau di luar yang mana suami isteri tidak bertemu tanggungjawab masing-masing yang tidak*

*bersesuaian dengan diri masing-masing. Rasulullah S.A.W. telah memutuskan hukum antara Ali Ibni Abi Talib radiallahu ‘an hu wa karammallah hu wajhahu dengan isterinya Fatimah radiallahu ‘anha.... maka Rasulullah s.a.w. memutuskan ke atas Fatimah supaya menjalankan tugas urusan rumah tangga, manakala ke atas Ali pula diputuskan supaya menjalankan kerja dan mencari pendapatan di luar rumah.”*

<sup>a</sup><sup>b</sup>

Pekerjaan suami isteri sebagaimana yang telah digalurkan oleh Hukum Syarak dan diakui oleh Rasulullah S.A.W. itu adalah menjadi tanggung jawab masing-masing. Tanggung jawab berkenaan ada hubungan pula dengan apa-apa harta atau wang ringgit yang diperolehi, atau hasil yang didapati nanti. Oleh kerana tugas suami dan isteri masing-masingnya telah digalurkan, maka secara umumnya suamilah yang dapat mendatangkan harta kepada keluarga berkenaan dan sepatutnyalah harta yang diperolehi itu dikategorikan sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu, selagi tidak ada bukti atau pengakuan bahawa harta itu adalah hak masing-masing samada daripada pemberian orang lain atau pusaka dan sebagainya.

<sup>c</sup><sup>d</sup>

Selain persoalan yang disentuh di atas, apabila berlangsungnya suatu akad nikah perkahwinan yang sah mengikut Hukum Syarak antara seorang lelaki dengan seorang perempuan, kedua-dua suami isteri itu mempunyai tanggung jawab tertentu. Antara tanggung jawab suami ke atas isterinya yang taat ialah menunaikan nafkah, menyediakan tempat tinggal, dan lain-lain lagi termasuklah menyediakan pembantu kepada isteri. Tanggung jawab seperti yang tersebut itu yang menjadi milik isteri, jika tidak ditunaikan oleh suami isteri tidak diredayai oleh isteri, akan menjadi hutang dan boleh dituntut oleh isteri, walaupun sesudah suami meninggal. Tanggung jawab isteri pula antaranya menyerah diri sepenuhnya kepada suami. Mengenai perkara ini di dalam kitab *I'aanah al-Talibin*, juzuk keempat, cetakan pertama, 1997M/1418H, Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon, pada muka surat 87 ada menyebut;

<sup>e</sup><sup>f</sup>

*a* أما ما لا ينحصرها كالطبخ لاكله وغسل ثيابه فلا يجب على واحد منها بل هو على الزوج في وفيه بنفسه أو بغيره

*Yang bererti;*

*"Adapun pekerjaan yang tidak khusus kepada isteri melakukannya, seperti memasak makanan suami dan mencuci pakaian suami, pekerjaan seperti itu tidaklah menjadi kewajipan ke atas isteri mahupun orang gaji isteri melakukannya, tetapi pekerjaan berkenaan adalah menjadi tugas suami sendiri. Oleh yang demikian dalam pekerjaan seperti itu, suami kenalah menguruskannya sendiri atau oleh orang lain dengan cara suami membayar upahnya."*

- b* Oleh yang demikian, suami adalah berhutang ke atas mana-mana isteri yang tidak disempurnai tanggung jawabnya. Hutang ini boleh dituntut oleh isteri pada bila-bila masa. Jika isteri ada pula memberi lain-lain sumbangan dalam apa-apa bentuk sekali pun, selain dari tanggung jawab sebenarnya mengikut Hukum Syarak, hingga pasangan suami isteri itu memperolehi aset, maka isteri itu juga layak menuntut kadar sumbangannya itu ke atas aset itu pada bila-bila masa. Sebaliknya suami juga mempunyai hak yang sama untuk menuntut ke atas kadar sumbangannya yang menyebabkan dalam masa perkahwinan mereka berdua, mereka memperolehi aset, pada bila-bila masa.

Di dalam kes *Noor Bee lwn Ahmad Shanusi*, JH [1401H] 63, Yang Arif Tuan Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadi Besar Negeri Pulau Pinang pada masa itu, antara lain telah berpendapat;

- e* *Harta sepencarian diluluskan oleh syarak atas dasar khidmat dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumah tangga suami keluar mencari nafkah. Isteri, menurut syarak mendapat orang gaji dalam mengurus rumah tangga, jika tidak maka kerja memasak, mambasuh dan mengurus rumah hendaklah dianggap sebahagian dari kerja yang mengurangkan tanggungan suami. Fakta di dalam kes yang dirujuk ini ialah bahawa pihak-pihak telah berkahwin pada 14 November 1976. Defendan telah menceraikan Plaintiff pada 27 Disember*

1977 dan perceraiannya tersebut telah didaftarkan pada 18 Mac 1978. Perceraian dibuat di Port Dickson, Negeri Sembilan tanpa pengetahuan isteri. Defendan telah kirim wang nafkah dan mut'ah sebanyak RM500, mengikut peraturan angkatan tentera. Defendan berpangkat Lettenan di dalam tentera. Defendan telah mendakwa bahawa nafkah 'iddah dan mut'ah telah dibayar dan harta syarikat telah dibahagi.

*a*

Diputuskan;

- (1) Defendan hendaklah membayar nafkah 'iddah pada kadar RM6 sehari selama 87 hari berjumlah RM522. Bayaran yang telah dijelaskan hendaklah ditolak dari jumlah itu iaitu sebanyak RM300;
- (2) Defendan hendaklah membayar RM1,500 sebagai mut'ah. Bayaran yang telah diterima sebanyak RM200 hendaklah ditolak dari jumlah RM1,500.

*c*

Mengikut penjelasan Hukum Syarak dan kes yang dirujuk, saya berpendapat, soalan sama ada boleh atau tidak tuntutan harta sepencarian yang dibuat oleh Plaintiff dan tuntutan balas oleh Defendant diberi pertimbangan oleh Mahkamah telah dapat dijawab. Tindakan Plaintiff di dalam kes di hadapan saya ini, dengan menuntut harta sepencarian pada hal dia tidak memberi sumbangan secara langsung dalam memperolehi harta yang dituntut itu yang mana harta atau pemilikan yang diperolehi semasa dalam perkahwinan adalah melalui pendapatan penggajian atau melalui lain-lain punca pendapatan Defendant, manakala Plaintiff secara umumnya berkhidmat sebagai suri rumah tangga sepanjang masa adalah boleh diterima. Selain dari itu tuntutan Plaintiff menuntut harta sepencarian ke atas harta yang didaftarkan atas nama Defendant ada mempunyai asasnya mengikut Hukum Syarak. Tuntutan Plaintiff itu juga boleh didengar di dalam Mahkamah ini. Di dalam kitab *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syar'iyyah*, Ibnu Qayyim al-Juziyyah, meninggal dunia dalam tahun 751 Hijriyah, cetakan Dar al-Ihya' al-Ulum, Beirut, tanpa tarikh, pada muka 30 ada menyebut;

*d*

*e*

*f*

*a* ومن ذلك أن الجمهور الفقهاء يقولون في تداعي الزوجين والصانعين لمنابع البيت والدكان: إن القول قول من يدل الحال على صدق، وال الصحيح في هذه المسألة أنه لا عبرة باليد الحسية بل وجودها كعدمها، ولو اعتبرناها لا عبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى رأسه عمامة وآخر حوله حاسرة الرأس ونحن نقطع بأن يده ظالمة عادية فلا اعتبار لها

*b*

*Yang bererti;*

*"Di antaranya ialah, di kalangan ahli perundangan Islam telah sepakat berpendapat bahawa di dalam kes tuntutan antara suami isteri yang sama-sama berusaha dalam mendapatkan harta rumah tangga dan berkedai, tuntutan yang sedemikian hendaklah diterima berdasarkan keterangan yang membuktikan tuntutan itu. Sebenarnya di dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta itu tidak dikira hanya semata-mata berdasarkan nama yang tertera di dalam harta itu. Setakat nama yang tertera di dalam sesuatu harta itu belum tentu membuktikan pemilikannya. Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambil kira hak milik sesuatu harta semata-mata mengikut nama yang tertera di dalam harta itu, maka nescaya serban yang dipakai di kepala seseorang yang merampas serban kepunyaannya orang lain akan dikira sebagai serban kepunyaannya perampas itu, sedangkan pengiktirafan yang sedemikian adalah suatu kezaliman dan tidak diambil kira."*

*c*

Pendapat sebegini, sekiranya dilihat kepada kes-kes tempatan, telah ada pendapat Hakim mengenainya, seperti di dalam kes *Roberts @ Kamarulzaman lwn Umi Kalthom* [1966] 1 MLJ 163, Yang Arif Hakim Raja Azlan Shah antara lain telah berpendapat;

*e*

*"Adalah boleh didapati daripada ketiga-tiga keputusan itu (Re Noorijah simati, Rayuan Sivil Selangor No. 44 Tahun 1934 (1937) 15/1 J.M.B.R.A.S. 59; kes Habsah bt Mat lwn Abdullah bin Jusoh [1950] MLJ 60; dan kes Hujah Lijah binti Jamal lwn Fatimah binti Mat Diah [1950] MLJ 63) bahawa peruntukan*

*f*

*Enakmen Tanah berhubung dengan tidak-boleh-hilangnya hak milik adalah tidak menyentuh kepada perkara-perkara yang ada hubungannya dengan harta sepencarian.”*

Di dalam kes ini Plaintiff menuntut hak harta sepencarian ke atas harta yang didakwa diperolehi bersama dalam masa perkahwinannya yang sah mengikut Hukum Syarak dengan Defendant, maka Plaintiff bertanggungjawab memikul beban pembuktian. Beban pembuktian merujuk kepada beban membuktikan kes dan beban mengemukakan keterangan. Perkara ini telah dijelaskan melalui satu kes tuntutan harta yang telah dibawa ke hadapan Rasulullah S.A.W., sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh ‘Alaqamah bin Wa-il bin Hujr daripada bapanya yang berkata, sebagaimana telah dimuatkan di dalam *Sunan al-Tirmizi*, Jilid 3, Matbaah al-Bab al-Halabi, cet. 1, 1937, halaman 625 seperti berikut;

جاء رجل من حضرة موت ورجل من كندة إلى النبي صلى الله عليه وسلم: فقال الحضرمي: يا رسول الله إن هذا غلبني على أرض لي.  
 فقال الكندي: هي أرضي وفي يدي ليس له فيها حق. فقال النبي صلى الله عليه وسلم للحضرمي [ألك بيته]، قال: لا. قال [ذلك يبينه] قال: يا رسول الله، إن الرجل فاجر لا يبالي على ما حلف عليه، وليس يتورع من شيء، قال [ليس لك منه إلا ذلك]

*Yang bermaksud;*

“Seorang lelaki dari Hadramaut dan seorang lelaki dari Kindah telah datang menemui Rasulullah S.A.W., lalu lelaki Hadramaut berkata, “Wahai Rasul, sesungguhnya lelaki ini (lelaki dari Kindah ini) telah mengambil tanah kepunyaan saya”. Kemudian lelaki dari Kindah membala dengan berkata, “Tanah itu adalah kepunyaan saya dan dia tidak berhak ke atas tanah itu.” Rasulullah S.A.W. bertanya kepada

- a*      *lelaki Hadramaut, "Adakah kamu mempunyai bukti?" Lelaki Hadramaut menjawab, "Tidak." Rasulullah S.A.W.. bersabda kepada lelaki Kindah, "Kamu mesti bersumpah.". Mendengar sabda Rasulullah s.a.w. itu lantas lelaki Hadramaut berkata, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki dari Kindah ini buruk perangainya; dia tidak bertanggungjawab atas perkara yang disumpahkannya dan dia juga tidak menjaga dirinya dari sesuatu perkara," lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, "Kamu tiada pilihan lain melainkan melalui cara sedemikian."*
- b*

Mengenai beban membuktikan kes, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 fasal 73 ada memperuntukkan;

- c*      *(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan disisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.*
- (2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.*
- d*

Beban membuktikan di dalam fasal ini merujuk kepada beban membuktikan kes. Fasal ini memperuntukkan bahawa beban membuktikan fakta atau kes terletak ke atas pihak yang inginkan Mahkamah memberi penghakiman ke atas apa-apa hak atau liabiliti sepetimana mengikut fakta-fakta yang ditegaskan olehnya.

- e*
- Enakmen Terengganu Bil. 6/2001 memberi pengertian "keterangan" termasuklah –
- (a) bayyinah dan syahadah;*
- f*      *(b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan*

*perkara-perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;*

*a*

*(c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.*

Takrifan “keterangan” ini membedakan antara *bayyinah* dengan *syahadah*, dan ianya tidaklah menolak jenis keterangan yang lain yang diterima oleh Islam, seperti *ikrar*, *yamin* (sumpah), *nukul ‘an yamin* (enggan bersumpah setelah diminta bersumpah) dan seterusnya kerana ianya hanya menyatakan “termasuk” yang memberi makna banyak lagi jenis keterangan yang tidak disebut di dalam takrifan ini. Peruntukan ini juga menjelaskan dua cara memberikan keterangan iaitu keterangan lisan dan keterangan tulisan. Walau bagaimanapun dengan menggunakan perkataan “termasuk” ianya tidak menolak cara ketiga yang diterima oleh Islam iaitu *isyarat*.

*b**c*

Di dalam kes ini, setelah mengemukakan keterangan dakwaannya, Plaintiff telah mengemukakan ibunya sebagai saksi. Setelah itu Plaintiff menutup kesnya. Ibu Plaintiff bernama Zainab binti Kasim, k/p no. 410131-03-5126. Setelah itu Plaintiff menutup kesnya.

*d*

Soalnya, Hukum Syarak telah menetapkan syarat yang wajib ada pada seseorang saksi semasa dia memberikan kesaksianya. Antaranya ialah saksi itu tiada tohmah. Di dalam undang-undang keterangan Mahkamah Syariah yang berkuatkuasa di Terengganu pada hari ini, tiada tohmah itu disama ertikan dengan tidak berprasangka. Ianya diperuntukkan di dalam subseksyen 83(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Antara ciri-ciri tohmah yang disebut di dalam kitab *Bidayah al-Mujtahid*, karangan Ibnu Rusyd al-Hafid, al-Imam al-Qadi Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Rusyd al-Qurtuby al-Andalusi, meninggal dunia dalam tahun 595 Hijrah, cetakan Dar al-Fikr, juzuk kedua, muka surat 347, ialah;

*e*

*فَمَا اتَّفَقُوا عَلَيْهِ : رَدْ شَهَادَةِ الْأَبْ لَابْنِهِ، وَالابْنِ لَأَبِيهِ، وَكَذَّلِكَ الْأُمُّ لَابْنَهَا، وَابْنَهَا هُنَّا.*

*f*

- a Yang bererti;
- “Ahli perundangan Islam telah bersepakat bahawa kesaksian seorang bapa bagi anaknya tidak diterima (ditolak) begitu juga kesaksian seorang anak bagi bapanya tidak diterima, demikian jugalah kesaksian seorang ibu bagi anaknya jugak ditolak dan kesaksian anak bagi ibunya juga ditolak.”
- b Oleh yang demikian di dalam kes ini, saksi Plaintiff ditolak.
- Defendant menutup kesnya setelah mengemukakan keterangan dakwaannya. Defendant tidak mengemukakan sebarang saksi.
- c Berdasarkan fakta pembuktian ini, Mahkamah seterusnya mengarahkan kedua-dua pihak membuat hujah bertulis. Setelah menerima hujah bertulis daripada kedua-dua belah pihak, Mahkamah berpendapat tuntutan ini hendaklah dibuktikan dengan sumpah. Pendapat Mahkamah ini berdasarkan kepada peruntukan Hukum Syarak, sebagaimana yang telah disebut di dalam kitab Imam Syafie sendiri.
- Di dalam kitab *al-Um*, jilid kesepuluh, cetakan Dar al-Qutaibah, Beirut, Labenon, cet. 1, 1996, muka surat 328 ada menyebut;
- d قال الشافعي رحمة الله تعالى إذا اختلف الرجل والمرأة في مثاع البيت الذي هما فيه ساكنان وقد افترقا أو لم يفترقا أو ماتا أو مات أحدهما فاختلف ورثتهما أو ورثة أحدهما بعد موته فذلك كله سواء والمثاع إذا كانا ساكني البيت في أيديهما معا فالظاهر أنه في أيديهما كما تكون الدار في أيديهما أو في يد رجلين فيحلف كل واحد منهم صاحبه على دعواه فإن حلفا جهينا فالمثاع بينهما نصفان لأن الرجل قد يملك مثاع النساء بالشراء والميراث وغير ذلك والمرأة قد تملك مثاع الرجال بالشراء والميراث وغير ذلك فلما كان هذا ممكنا وكان المثاع في أيديهما لم يجز أن يحكم فيه إلا بهذا لكونه الشيء في أيديهما
- e
- f

Yang bererti;

"Imam Syafie telah berkata, "Apakala berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (bercerai); atau sekali pun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia; yang mana dalam keadaan kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu; maka keputusan cara penyelesaian semuanya adalah serupa, iaitu; bagi perkakas rumah apabila kedua-duanya sama-sama menduduki sebuah yang menjadi milik bersama mereka, maka pada zahirnya perkakas-perkakas di dalam rumah itu adalah menjadi milik bersama suami isteri itu. Jika perkakasan rumah yang dipertelingkahkan itu berada di dalam pegangan dua orang lelaki lain, andainya salah seorang daripada pemegang perkakasan itu bersumpah mengatakan bahawa perkakasan itu adalah milik salah satu daripada kedua pihak yang bertelingkah, maka hendaklah diputuskan menurut sumpah pemegang harta perkakasan berkenaan. Jika perkakasan rumah yang dipertelingkahkan itu berada di dalam pegangan dua orang lelaki lain, andainya salah seorang pemegang perkakasan itu bersumpah mengatakan bahawa perkakasan itu adalah milik salah satu daripada kedua pihak yang bertelingkah dan seorang pemegang perkakasan yang lain pula bersumpah mengatakan bahawa perkakasan itu adalah milik pihak yang satu lagi, maka hendaklah diputuskan bahawa perkakasan itu dibahagi dua di antara pihak-pihak yang bertelingkah. Haruslah diperhatikan bahawa, kadangkala lelaki memiliki perkakasan perempuan dengan cara membelinya, mewarisi dan sebagainya; begitu juga kadangkala perempuan memiliki perkakasan lelaki dengan cara membelinya, mewarisi dan sebagainya. Oleh yang demikian tidaklah boleh, di dalam pertikaian seperti ini, dihukum selain dari cara ini...."

a

b

c

d

e

f

- a Di dalam kes *Zainuddin bin Haji Ariffin lwn Anita binti Abdullah*, kes rayuan di dalam Mahkamah Rayuan Wilayah Persekutuan, JH[1404H] 73, Datuk Wan Ismail bin Wan Mohamad Salleh bagi pihak Jawatankuasa Ulang Bicara menyampaikan pendapat;

b "Oleh kerana Pemohon Ulangbicara mengemukakan keterangan-keterangan yang tidak dapat diterima oleh Jawatankuasa Ulangbicara maka Jawatankuasa Ulangbicara memutuskan masalah harta sepencarian ini disaksikan mengikut Hukum Syarak iaitu seperti berikut;

Suami isteri berusaha bersama-sama dengan tiada modal yang ditentukan, jikalau menjadi perbalahan di atas hasil usaha itu maka hukumnya :-

c 1) Jika ada keterangan yang cukup bagi usaha yang Menuntut maka hasil usaha itu terpulang kepadanya.

2) Jika tiada keterangan yang cukup di atas usaha masing-masing, dihukumkan bersumpah semuanya. Apabila bersumpah semuanya di bahagikan usaha itu sama banyak.

d Jika semuanya enggan bersumpah dibahagikan sama banyak juga. Jikalau enggan bersumpah salah seorang dari mereka maka usaha itu terpulang semuanya kepada yang bersumpah. Jikalau salah seorang atau semuanya telah mati maka hukum bersumpah itu tertanggung di atas waris si mati jika waris itu menuntut.

e 3) Jika berjalan adat kebiasaan bahawa salah seorang daripada suami isteri itu berusaha lebih dari yang lain maka persetujuan pembahagian hendaklah mengikut adat kebiasaan itu. Jika persetujuan tidak didapati maka pembahagian adalah seperti (1) dan (2) di atas.

f

Mengikut kehendak Hukum Syarak dan bersandarkan keputusan dalam kes yang dirujuk, saya berpendapat bahawa kes di hadapan saya ini hendaklah juga diputuskan berdasarkan kepada kesanggupan satu pihak atau pihak-pihak untuk bersumpah. Pada hari Isnin 30 Disember 2002, sebelum salah satu pihak atau pihak-pihak diberi peluang bersumpah, terlebih dahulu Mahkamah telah memaklumkan makna sumpah, jenis sumpah dan kesan sumpah.

Sumpah atau *al-yamin* juga terkenal dengan nama *al-halaf*, *al-istihlaf* dan juga *al-qasam*. Dari segi istilahnya *al-yamin* bermakna menguatkan sesuatu atau menguatkan hak atau menguatkan percakapan sama dalam bentuk *isbat* atau *nahi* dengan menyebut nama Allah s.w.t., atau dengan salah satu sifatNya. Takrifan sebegini telah dibuat di dalam kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, karangan Dr. Wahbah al-Zuhayly, juzuk keenam cetakan ketiga, 1409H/1989M, Dar al-Fikr, Damsyik, Syria, yang mana pada muka 588 menyebut

وَاصْطِلَاحًا بِعْنَاهَا الْعَامُ هُيَ تَوْكِيدُ الشَّيْءِ أَوِ الْحَقِّ أَوِ الْكَلَامِ إِبَاتًا أَوْ نَفْيًا  
 بِذِكْرِ اسْمِ اللَّهِ أَوْ صَفَةٍ مِّنْ صَفَاتِهِ.

*Yang bererti;*

*"Pada amnya dari segi istilah, sumpah bermakna menguatkan sesuatu atau menguatkan hak atau menguatkan percakapan sama dalam bentuk isbat atau naif dengan menyebut nama Allah s.w.t., atau dengan salah satu sifat Nya."*

Mahkamah juga telah memaklumkan kepada kedua-dua pihak bahawa pada umumnya sumpah itu terbahagi kepada dua jenis; iaitu sumpah yang dibuat di luar Mahkamah dan sumpah yang dibuat di dalam Mahkamah. Sumpah yang dibuat di dalam Mahkamah adalah sumpah yang dilakukan atas permintaan Hakim sebagai satu cara pembuktian di dalam proses kehakiman.

- a Sebelum Mahkamah membenarkan salah satu pihak atau kedua-dua pihak mengangkat sumpah, Mahkamah terlebih dahulu menunjukkan kepada pihak-pihak draf lafaz sumpah yang dikehendaki oleh Mahkamah. Setelah draf lafaz sumpah itu ditunjukkan kepada kedua-dua belah pihak melalui peguam masing-masing, Mahkamah mendapat jawapan bahawa kedua-dua belah pihak sanggup bersumpah.
- b Seterusnya Mahkamah telah memberi ingatan tentang akibat bersumpah. Ingatan yang dibuat oleh Mahkamah adalah berdasarkan kepada ayat 77 Surah Ali- 'Imran, yang mana Allah s.w.t. berfirman;

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَآيَمَانَهُمْ ثُمَّا قَلِيلًا أُولَئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي  
 الْآخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَسْتَطُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيْهِمْ وَلَهُمْ  
 عَذَابٌ أَلِيمٌ

c

*Yang bermaksud:*

- d “Sesungguhnya orang-orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah dan mencabuli sumpah mereka, mereka tidak akan mendapat bahagian yang baik pada hari akhirat, dan Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan memandang kepada mereka pada hari kiamat, dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperisakitnya.”

- e Setelah selesai Mahkamah menyampaikan huraian dan maksud ayat 77 Surah Ali- 'Imran, Mahkamah bertanyakan kepada Plaintiff, adakah beliau masih sanggup lagi bersumpah atau tidak. Plaintiff dengan jelas menjawab bahawa beliau sanggup bersumpah sebagaimana draf lafaz sumpah yang ditunjukkan oleh Mahkamah sebentar tadi. Kemudian Mahkamah bertanyakan kepada Defendant, adakah beliau masih sanggup lagi bersumpah atau tidak. Defendant dengan jelas menjawab bahawa beliau sanggup bersumpah sebagaimana draf lafaz sumpah yang
- f

ditunjukkan oleh Mahkamah sebentar tadi. Mahkamah seterusnya <sup>a</sup> mengarahkan Plaintiff bersumpah. Plaintiff bersumpah dengan lafaz;

وَاللَّهِ الْعَظِيمُ وَاللَّهِ الْعَظِيمُ وَاللَّهِ الْعَظِيمُ

*Demi Allah, aku CHE MAS BINTI ABDULLAH, KPT; 610913-03-5020, bersumpah dengan nama Allah Yang Maha Besar, bahwasanya segala tuntutan aku di dalam kes ini adalah benar belaka, dan aku bersumpah dengan nama Allah Yang Maha Besar bahwasanya segala keterangan aku di dalam kes ini semuanya benar dan betul dan tiada yang lain melainkan semuanya benar belaka.”*

<sup>b</sup>

Setelah itu Mahkamah memberi kebenaran kepada Defendan untuk <sup>c</sup> melafazkan sumpahnya pula. Defendan bersumpah dengan lafaz;

وَاللَّهِ الْعَظِيمُ وَاللَّهِ الْعَظِيمُ وَاللَّهِ الْعَظِيمُ

*Demi Allah, aku MAT SHARIE BIN YAAKUB, KPT: 510101-03-5289, bersumpah dengan nama Allah Yang Maha Besar, bahwasanya segala tuntutan aku di dalam kes ini adalah benar belaka, dan aku bersumpah dengan nama Allah Yang Maha Besar bahwasanya segala keterangan aku di dalam kes ini semuanya benar dan betul dan tiada yang lain melainkan semuanya benar belaka.”*

<sup>d</sup>

Cara sumpah yang dilaksanakan di dalam Mahkamah atas arahan Mahkamah dalam kes ini, walaupun tidak menepati dengan peruntukan fasal 88, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, yang memperuntukkan;

<sup>e</sup>

*Jika dalam kes mal, Plaintiff hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika keterangannya diberikan berserta dengan sumpah Plaintiff itu.*

<sup>f</sup>

a Serta subseksyen-subseksyen 87(1) dan 87(2) enakmen yang sama, yang memperuntukkan;

(1) *Dalam kes mal, keterangan hendaklah diberikan oleh Plaintiff dan Defendan, dan jika Defendan menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut Hukum Syarak.*

b

(2) (a) *Jika Defendan mengangkat sumpah di bawah subseksyen (1), tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff hendaklah ditolak.*

c

(b) *Jika Defendan enggan mengangkat sumpah, maka Mahkamah bolehlah, meminta Plaintiff mengangkat sumpah dan dengan sumpah itu tuntutannya hendaklah diterima.*

tetapi cara demikian tidaklah bercanggah dengan peruntukan subseksyen 130(2) enakmen berkenaan itu. Subseksyen 130(2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

d

*Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan atau tidak dinyatakan dengan jelas dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak.*

e

Dalam kes tuntutan harta sepencarian ini peruntukan Hukum Syarak mengenai sumpah bagi mensabitkan tuntutan sudah jelas. Perkara ini telah dinyatakan di dalam kitab *al-Um*, jilid kesepuluh, cetakan Dar al-Qutaibah, Beirut, Lebanon, cet. 1, 1996, muka 328 ada menyebut;

f

a

قال الشافعي رحمة الله تعالى إذا اختلف الرجل والمرأة في مثاع البيت  
الذي هما فيه ساكنان وقد افترقا أو لم يفترقا أو ماتا أو مات أحدهما  
فاختلَفَ ورثتهما أو ورثة أحدهما بعد موته فذلك كله سواء والمثاع إذا  
كانا ساكني البيت في أيديهما معاً فالظاهر أنه في أيديهما كما تكون الدار  
في أيديهما أو في يد رجلين فيحلف كل واحد منهما صاحبه على  
دعواه فإن حلفاً جهيناً فالمثاع بينهما نصفان

b

*Yang bererti;*

c

*"Imam Syafei telah berkata, "Apakala berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (bercerai); atau sekali pun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang dari mereka berdua meninggal dunia; yang mana dalam keadaan kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia, berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa, iaitu; bagi perkakas rumah apabila kedua-duanya sama-sama menduduki sebuah yang menjadi milik bersama mereka, maka pada zahirnya perkakas-perkakas di dalam rumah itu adalah menjadi milik bersama suami isteri itu. Jika perkakasan rumah yang dipertelingkahkan itu berada di dalam pegangan dua orang lelaki lain, andainya salah seorang daripada pemegang perkakasan itu bersumpah mengatakan bahawa perkakasan itu adalah milik salah satu daripada kedua pihak yang bertelingkah, maka hendaklah diputuskan menurut sumpah pemegang harta perkakasan berkenaan. Jika perkakasan rumah yang*

d

e

f

- a      *dipertelingahkan itu berada di dalam pegangan dua orang lelaki lain, andainya salah seorang pemegang perkakasan itu bersumpah mengatakan bahawa perkakasan itu adalah milik salah seorang daripada kedua pihak yang bertelingkah dan seorang pemegang perkakasan yang lain pula bersumpah mengatakan bahawa perkakasan itu adalah milik pihak yang satu lagi, maka hendaklah diputuskan bahawa perkakasan itu dibahagi dua di antara pihak-pihak yang bertelingkah.*
- b

Di dalam kitab *Bughyah al-Mustarsyidin* oleh Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar, muka 159 ada menyebut;

- اختلط مال الزوجين ولم يعلم لأيهما أكثر ولا قرينة تميز أحدهما وحصلت بينهما فرقه أو موت لم يصح للأحدهما ولا وارثه تصرف في شيء منه قبل التمييز أو الصلح إلا مع صاحبه إذ لا مرجع كما قالوا فيما لو اختلط بهما، وحيثند فإن أمكن معرفتهما وإلا وقف الأمر حق يصطلح الزوجان أو ورثهما بلفظ صلح أو تواهب بتساو أو تفاوت إن كانوا كاملين، ويجب أن لا ينقص عن النصف في المجموع، نعم إن جرت العادة المطردة بأن أحدهما يكسب أكثر من الآخر كان الصلح والتواهب على نحو ذلك، فإن لم يتفقرا على شيء من المال فالقول قوله يسميه أنه ملكه، فإن كان بيدهما فلكل تخليف الآخر ثم يقسم نصفين.

*Yang bererti;*

*"Telah bercampur harta suami isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak – tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya – kemudian berlaku perpisahan antara keduanya ataupun mati, maka tidak sah salah seorang dari mereka (suami isteri) atau warisnya memerintah (mengguna) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat dibezaan ataupun sebelum dibuat perdamaian (al-Sulh), kecuali bersama-sama dengan pemiliknya sebab tidak ada murajjih (tidak ada tanda yang membezakan). Seperti mereka berkata (masalah ini sama seperti) jika bercampur burung merpati keduanya (suami isteri) di ketika itu (boleh digunakan) jika*

*boleh diketahui / dibezaikan keduanya. Tetapi jika tidak diketahui (tidak dapat dibezaikan), perkara ini hendaklah ditangguh sehingga suami isteri atau waris keduanya berdamai dengan melafazkan (kalimah) perdamaian ataupun menyerah (hibbah) dengan sama banyak atau berlebih kurang jika mereka itu (suami isteri dan waris) orang-orang yang sempurna (bukan mahjur 'alaihi) dan wajib supaya jangan terkurung (pembahagiannya) daripada setengah (1/2) bagi orang-orang yang mahjur (orang yang tidak dibenarkan mentadbir harta). Tetapi jika berlaku kebiasaan yang tetap bahawa salah seorang dari keduanya (suami isteri) mendapat pendapatan yang lebih banyak dari yang seorang lagi, maka perdamaian (sulh) dan penyerahan (hibah) adalah berdasarkan demikian (lebih kurang). Jika mereka tidak menyetujui suatupun daripada yang demikian, maka pihak yang memiliki sesuatu dari harta (memegang harta) akan didengar cakapnya, melalui sumpahnya; bahawa harta itu miliknya. Tetapi jika harta itu dimiliki oleh kedua-duanya (masing-masing memegang harta) maka masing-masing boleh meminta pihak yang lain bersumpah kemudian (harta itu) dibahagi dua.”*

a

b

c

Di dalam kes *Zainuddin bin Haji Ariffin Iwn Anita binti Abdullah*, kes rayuan di dalam Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, JH (1404)H 73, Datuk Wan Ismail bin Wan Mohamad Salleh bagi pihak Jawatankuasa Ulang Bicara menyampaikan pendapat;

“Oleh kerana Pemohon Ulangbicara mengemukakan keterangan-keterangan yang tidak dapat diterima oleh Jawatankuasa Ulangbicara maka Jawatankuasa Ulangbicara memutuskan masalah harta sepencarian ini disaksikan mengikut Hukum Syarak iaitu seperti berikut;

d

Suami isteri berusaha bersama-sama dengan tiada modal yang ditentukan, jikalau menjadi perbalahan di atas hasil usaha itu maka hukumnya :-

e

- 1) Jika ada keterangan yang cukup bagi usaha Yang Menuntut maka hasil usaha itu terpulang kepadanya.

f

- a 2) Jika tiada keterangan yang cukup di atas usaha masing-masing, dihukumkan bersumpah semuanya. Apabila bersumpah semuanya di bahagikan usaha itu sama banyak.

Jika semuanya enggan bersumpah dibahagikan sama banyak juga. Jikalau enggan bersumpah salah seorang dari mereka maka usaha itu terpulang semuanya kepada yang bersumpah. Jikalau salah seorang atau semuanya telah mati maka hukum bersumpah itu tertanggung di atas waris si mati jika waris itu menuntut.

- b 3) Jika berjalan adat kebiasaan bahawa salah seorang daripada suami isteri itu berusaha lebih dari yang lain maka persetujuan pembahagian hendaklah mengikut adat kebiasaan itu. Jika persetujuan tidak didapati maka pembahagian adalah seperti (1) dan (2) di atas.

Fakta di dalam kes ini yang tidak dipertikaikan ialah Plaintiff telah diakad nikah dengan Defendan pada 30 Mei 1980 di Kuantan, Pahang. Perkahwinan Plaintiff dengan Defendan itu diatur oleh orang tua kedua belah pihak. Ibu kepada Plaintiff adalah saudara kepada ibu Defendan.

- d Perkahwinan Plaintiff dengan Defendan telah dikurniakan dengan enam orang anak, yang mana dua daripada anak-anak tersebut telah meninggal dunia. Defendan semasa akad nikah perkahwinan salah seorang guru siswazah, manakala Plaintiff pada masa itu seorang gadis yang kemudiannya menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Mahkamah Rendah Syar'iah Daerah Marang, Terengganu dalam kes permohonan perintah mengenai perceraian, kes no: MRSMDM 91-030-30-98, pada 25 Oktober 1998, antara lain telah memutuskan telah berlaku perceraian antara Mat Sharie bin Yaacob No. KPT: 510101-03-5289 dengan Che Mas binti Abdullah No. KPT: 610913-03-5020 pada 9hb Ogos 1998 dengan perceraian talaq satu kali pertama (raj'I) di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah. Dalam kes permohonan perintah mengenai Mahkamah. Dalam kes permohonan perintah mengenai kebenaran Mahkamah. Dalam kes permohonan perintah mengenai perceraian, kes no: MRSMDM 91-030-30-98, pada 25 Oktober 1998 itu, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang telah tidak membuat sebarang perintah mengenai harta sepencarian.

Setelah Mahkamah menerima sumpah daripada kedua-dua pihak, Mahkamah dengan itu menerima fakta-fakta yang dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak. Mahkamah juga mensabitkan wujudnya harta sepencarian antara Plaintiff dengan Defendant. Kadar harta sepencarian antara kedua-dua Plaintiff dengan Defendant di dalam kes ini, pada pendapat saya adalah bergantung kepada tiga fakta utama iaitu;

- a) pemilikan harta atau harta yang dipersoalkan ini telah daftarkan atas nama siapa semasa tuntutan ini dibuat; b
- b) apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat itu dari segi sah atau tidaknya (أنواع المدعوى من حيث صحتها) ; dan
- c) berapakah kadar sumbangan oleh kedua-dua belah pihak dalam memperolehi harta yang dipertikaikan itu. Adakah harta yang dipertikaikan itu diperolehi dengan usaha bersama mereka berdua, atau dengan usaha tunggal salah satu pihak atau harta itu dipunyai oleh salah satu pihak sebelum perkahwinan tetapi dimajukan pada sebahagian besanya dalam masa perkahwinan oleh pihak yang satu lagi.

Oleh yang demikian kadar dan sabitan harta sepencarian akan saya tentukan mengikut harta-harta yang menjadi tuntutan dan tuntutan balas satu persatu.

Tuntutan **pertama** Plaintiff ialah sebuah rumah dan tapak rumah yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Defendant di atas tanah lot no. 01909 Mukim Rusila, Marang dengan harga tanah dan rumah bernilai RM125,000.00. Tuntutan dibuat berdasarkan tempoh masa bayaran balik yang telah dibuat melaui ansuran bulanan selama tempoh perkahwinan Plaintiff dengan Defendant iaitu, selama 9 tahun 11 bulan atau 119 bulan. Potongan dari gaji Defendant mulai bulan Disember 1988 hingga Oktober 1998 dikira RM735.74 x 119 bulan berjumlah RM87,553.06.

f

- a* Saya berpendapat sebuah rumah dan tapak rumah yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Defendan di atas tanah lot no. 01909 Mukim Rusila, Marang, bukanlah merupakan pinjaman (إِعَارَةٌ) mengikut Hukum Syarak, tetapi ianya merupakan barang yang dijual dengan harga tertangguh (بِيعٌ بِشْمَنْ أَجْلٍ) yang dibahaskan di dalam perkara syarat bagi harga di dalam bab jual-beli. Di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* karangan al-Syeikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini,
- b* meninggal dunia dalam tahun 977 Hijrah, jilid kedua, juzuk kedua, cetakan Dar al-Fikri, muka surat 3 memperuntukkan;

وأَرْكَانُهُ كَمَا فِي الْمُمْوَعِ ثَلَاثَةُ، وَهِيَ فِي الْحَقِيقَةِ سَتَةٌ : عَاقِدٌ وَهُوَ بَاعٌ  
 وَمُشَتَّرٌ، وَمَعْقُودٌ عَلَيْهِ وَهُوَ ثُنُونٌ وَمُشَمْنٌ، وَصِيَغَةٌ وَهِيَ إِبْجَابٌ وَقِبْوَلٌ

- c* Yang bererti;  
 “Rukun jual-beli mengikut sebagaimana di dalam kitab Majmuk, ada tiga. Sebenarnya rukun jual-beli itu ada enam, iaitu; pelaksana aqad (kontrak) yang terdiri daripada penjual dan pembeli, barang yang diaqad (yang dikontrakkan) yang barang yang dijual, dan lafaz kontrak yang terdiri dari lafaz tawaran dan lafaz penerimaan.”

- d* Mengikut Hukum Syarak, barang atau harta boleh dijual dengan bayaran harga tertangguh (بِيعٌ بِشْمَنْ أَجْلٍ) dengan syarat :-
  - i. Jelaskan tempoh pembayaran dan cara-caranya.
  - ii. Permulaan tempoh dikira dari tarikh penyerahan barang yang dijual.
  - iii. Tidak boleh diikatkan tempoh kepada musim yang tidak tetap.
- e*

- Syarat-syarat barang yang dijual dengan bayaran harga tertangguh sebagaimana yang disebutkan itu telah disebut di dalam buku Undang-undang Perdagangan Dalam Islam, karangan Haji Mahsin Haji Mansor, Penerbitan Alharamain (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, cetakan pertama 1984, pada muka surat 37.

Di dalam buku Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia, karangan Nor Mohamed Yakcop, cetakan 1996, terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, muka surat 80 ada menyebut :

*"Konsep Bai Bithaman Ajil (BBA) sesuai bagi pembiayaan perumahan atau kenderaan. Konsep BBA adalah sama dengan konsep murabahah, kecuali BBA ialah bagi tempoh yang lebih panjang, biasanya melebihi 12 bulan. BBA membolehkan pembelian sesuatu barang dengan bayaran ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang ditetapkan atau dengan bayaran beransur-ansur. Tujuannya ialah untuk memberi kemudahan kepada pembeli yang tidak mampu membuat bayaran tunai."*

Mengikut Hukum Syarak dan ahli fiqah tempatan serta ahli ekonomi semasa, saya berpuashati bahawa pembelian sebuah rumah dan tapaknya melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Defendan di atas tanah lot not. 01909 Mukim Rusila, Marang adalah merupakan kontrak jual-beli bukannya kontrak pinjaman.

Ditinjau dari sudut pemilikan harta yang dipertikai atau rumah dan tapak rumah yang dibeli melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia oleh Defendan di atas tanah lot no. 01909 Mukim Rusila, Marang, jelas didapati bahawa harta itu didaftarkan atas nama MAT SHARIE BIN YAAKUB, K/P 3755191 (KPT: 510101-03-5289), semasa tuntutan ini dibuat. Harta itu kemudiannya digadai kepada Perbendaharaan Malaysia. Bayaran ansuran bulanan bagi pembelian harta berkenaan sebanyak RM735.74 sebulan adalah dibuat melalui potongan gaji Defendan. Potongan gaji Defendan bagi maksud itu telah dibuat mulai bulan Disember 1988. Dari sudut ini sahaja jelas kelihatan bahawa harta itu diperolehi melalui usaha tunggal Defendan.

- a Ditinjau dari sudut, apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat itu dari segi sah atau tidaknya (أ نوع الدعوى من حيث صحتها), saya berpendapat tuntutan Plaintiff itu adalah merupakan suatu tuntutan atau dakwaan yang sah mengikut Hukum Syarak. Di dalam kita *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-syari'yah*, Ibnu Qayyim al-Juziyyah, meninggal dunia dalam tahun 751 Hijriyah, cetakan Dar al-Ihya' al-Ulum, Beirut, tanpa tarikh, pada muka 30 ada menyebut;

b

ومن ذلك أن الجمّهور الفقهاء يقولون في تداعي الزوجين والصانعين لشاع البيت والمدحان: إن القول قول من يدل الحال على صدقه،

والصحيح في هذه المسألة أنه لا عبرة باليد الحسية بل وجودها

c

كعدمهما، ولو اعتبرناها لا تعتبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى

رأسه عمامة وآخر حوله حاسر الرأس ونحن نقطع بأن يده ظالمة

عادية فلا اعتبار لها

Yang bererti;

"Di antaranya ialah, di kalangan ahli perundangan Islam telah

d

sepakat berpendapat bahawa di dalam kes tuntutan antara suami

isteri yang sama-sama berusaha dalam mendapatkan harta rumah

tangga dan berkedai, tuntutan yang sedemikian hendaklah

diterima berdasarkan keterangan yang membuktikan tuntutan

itu. Sebenarnya di dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta

itu tidak dikira hanya semata-mata berdasarkan nama yang

tertera di dalam harta itu. Setakat nama yang tertera di dalam

sesuatu harta itu belum tentu membuktikan pemilikannya.

e

Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambil kira hak

milik sesuatu harta semata-mata mengikut nama yang tertera di

dalam harta itu, maka nescaya serban yang dipakai di kepala

seseorang yang merampas serban kepunyaan orang lain akan

dikira sebagai serban kepunyaan perampas itu, sedangkan

f

pengiktirafan yang sedemikian adalah suatu kelaziman dan tidak

diambil kira."

Pendapat sebegini, sekiranya dilihat kepada kes-kes tempatan, telah ada pendapat Hakim mengenainya, seperti di dalam kes *Roberts @ Kamarulzaman Iwn Umi Kalthom* [1996] 1 MLK 163, Yang Arif Hakim Raja Azlan Shah antara lain telah berpendapat;

*“Adalah boleh didapati daripada ketiga-tiga keputusan itu (Re Noorijah simati, Rayuan Sivil Selangor No. 44 Tahun 1934 (1937) 15/1 J.M.B.R.A.S. 59; kes Habsah bt. Mat Iwn Abdullah bin Jusoh [1950] MLJ 60; dan kes Hajah Lijah binti Jamal Iwn Fatimah binti Mat Diah [1950] MLJ 63) bahawa peruntukan Enakmen Tanah berhubung dengan tidak-boleh=hilangnya hak milik adalah tidak menyentuh kepada perkara-perkara yang ada hubungannya dengan harta sepencarian.”*

Selain dari itu, Plaintiff juga menuntut jumlah wang bayaran balik pinjaman bagi harta itu yang telah Defendan jelaskan secara ansuran bulanan kepada Perbendaharaan Malaysia bagi tempoh bermulanya potongan gaji Defendan bagi bulan Disember 1988 hingga gaji bulan Oktober 1998 dikira RM735.74 x 119 berjumlah RM87,553.06. Dalam kedudukan sebegini juga saya berpendapat, tuntutan Plaintiff itu adalah merupakan suatu tuntutan atau dakwaan yang sah mengikut Hukum Syarak. Di dalam kitab *Nizam al-Qada Fi al-Syariah al-Islamiah*, karangan Dr. Abdul Karim Zaidan, cetakan ketiga, tahun 1418H/1997M, terbitan Mu'assah al-Risalah, Beirut, Lebanon, muka 93 hingga 95 ada menyebut tentang dakwaan atau tuntutan dari sudut sahnya sesuatu dakwaan atau tuntutan itu dikategorikan kepada empat; iaitu dakwan/tuntutan yang sah, dakwaan atau tuntutan yang fasid atau yang tak sempurna atau dakwaan/tuntutan cacat, dakwaan/tuntutan yang tidak sah atau batal, dan dakwaan hibah. Dr. Abdul Karim telah menggariskan lima syarat yang penting bagi satu-satu dakwaan atau tuntutan itu dikira sebagai dakwaan atau tuntutan yang sah. Mengikut syarat-syarat yang dinyatakan oleh Dr. Abdul Karim itu, saya berpuashati bahawa tuntutan Plaintiff ke atas jumlah wang bayaran balik pinjaman bagi harta berkenaan yang telah Defendan jelaskan secara ansuran bulanan kepada Perbendaharaan Malaysia bagi tempoh bermulanya potongan gaji Defendan dibuat sehingga berlakunya perceraian antara mereka berdua, iaitu dikira mulai potongan gaji Defendan bagi bulan Disember 1988 hingga gaji bulan Oktober 1998 dikira RM735.74 x 119 berjumlah RM87,553.06.

- a Di antara syarat-syarat yang dinyatakan oleh Dr. Abdul Karim untuk menjadikan satu-satu dakwaan atau tuntutan itu sah ialah;

أن يكون الحق المدعى به معلوماً ويدخل في ولاية القضاء وتجري عليه الأحكام

Yang bererti;

- b "Benda yang dituntut itu hendaklah diketahui dan termasuk di dalam bidang kuasa kehakiman serta membolehkan hukuman dikuatkuasakan ke atasnya."

- c Saya juga berpendapat perkiraan menentukan banyak mana pihak-pihak layak mendapat bahagian dalam satu-satu tuntutan harta sepencarian adalah dibuat berdasarkan takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak-pihak samada dalam bentuk wang, harta atau kerja termasuklah buah fikiran bagi memperolehi aset itu. Ditinjau dari sudut berapakah kadar sumbangan oleh kedua-dua belah pihak dalam memperolehi harta yang dipertikaikan itu pula, saya berpendapat perkiraan menentukan banyak mana pihak-pihak yang layak mendapat bahagian dalam satu-satu tuntutan harta sepencarian adalah dibuat berdasarkan takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak-pihak samada dalam bentuk wang, harta atau kerja termasuklah buah fikiran bagi memperolehi aset itu.

- d Di dalam kes ini fakta yang tidak dipertikaikan oleh Plaintiff telah diakad nikahkan dengan Defendan pada 30 Mei 1980 di Kuantan, Pahang. Perkahwinan Plaintiff dengan Defendan itu diatur oleh orang tua kedua belah pihak. Ibu kepada Plaintiff adalah saudara kepada ibu Defendan. Perkahwinan Plaintiff dengan Defendan telah dikurniakan dengan enam orang anak, yang mana dua daripada anak-anak tersebut telah meninggal dunia. Defendan semasa akad nikah perkahwinan adalah seorang guru siswazah, manakala Plaintiff pada masa itu seorang gadis yang kemudiannya menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Mahkamah Rendah Syari'ah Daerah Marang, Terengganu dalam kes permohonan perintah mengenai perceraian, kes no: MRSDM 91-030-30-98, pada 25 Oktober 1998, antara lain telah memutuskan telah berlaku perceraian antara Mat Sharie bin Yaacob No. KPT: 510101-03-5289 dengan Che
- e f Mas binti Abdullah No. KPT: 610913-03-5020 pada 9hb Ogos 1998 dengan

perceraian talaq satu kali pertama (*raj'i*) di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah. Mengenai perkara ini Allah s.w.t. berfirman;

**وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ**

Sebahagian ayat 228 dari Surah *al-Baqarah*.

*a*

*Yang bermaksud;*

“.....Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak yakni sebagaimana seseorang isteri menanggung kewajipan terhadap suaminya yang wajib dilaksanakan dengan cara yang baik, maka si suami juga menanggung kewajipan terhadap isterinya yang wajib dilaksanakan dengan cara yang baik); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjah kelebihan (orang-orang lelaki mempunyai “satu darjah kelebihan” atas orang perempuan (isterinya), kerana mereka lah yang berkuasa mengawalnya dan memberi nafkah, sebagaimana yang diterangkan dalam ayat 34, surah *al-Nisaa'*) atas orang-orang perempuan (isterinya)...”

*c*

*d*

Ayat di atas memberikan hak kepada isteri sebanding dengan hak suami kepadanya. Setiap kali isteri diberi sesuatu beban, maka si suami pun dikenakan beban yang sebanding dengannya.

*e*

Al-Sayyid Sabiq di dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah*, jilid kedua, juzuk-juzuk 6,7,8,9 dan 10, cetakan keempat 1403H/1983M terbitan Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon, menjelaskan perkara ini dengan berpendapat;

*f*

- a      والأساس الذي وضعه الإسلام للتعامل بين الزوجين وتنظيم الحياة بينهما - هو أساس فطري وطبعي ..... فالرجل أقدر على العمل والكدح والكسب خارج المنزل، والمرأة أقدر على تدبير المنزل، وتربية الأولاد، وتيسيرأسباب الراحة البيئية، الطمأنينة المنزلية، فيكلف الرجل ما هو مناسب له، وتكلف المرأة ما هو من طبيعتها، وهنالذا يتنظم البيت من ناحية الداخل والخارج دون أن يجد أي واحد من الزوجين سببا من أسباب انقسام البيت على نفسه. وقد حكم رسول الله صلى الله عليه وسلم بن علي بن أبي طالب رضي الله عنه وكرم الله وجهه وبين زوجته فاطمة رضي الله عنها فجعل على فاطمة خدمة البيت، وجعل على علي العمل والكسب
- b      c      Yang bererti;
- “Dasar yang ditetapkan oleh Islam dalam mengatur dan menguruskan kehidupan suami isteri adalah merupakan suatu dasar yang sesuai dengan fitrah dan tabiat semulajadi manusia itu sendiri. Lelaki lebih mampu bekerja, bersungguh-sungguh berusaha dan mencari pendapatan di luar rumah manakala perempuan lebih mampu menguruskan rumah tangga, mendidik anak-anak, menjadikan suasana rumah tangga menyenangkan dan penuh ketenteraman. Oleh kerana itu ditugaskan kepada lelaki kerja-kerja yang sesuai dengan fitrahnya, manakala ditugaskan kepada perempuan dengan tanggung jawab yang sesuai dengan fitrahnya. Dengan yang demikian, rumah tangga dapat tersusun dengan baik samada di dalam atau di luar rumah yang mana suami isteri tidak bertemu tanggung jawab masing-masing yang tidak bersesuaian dengan diri masing-masing. Rasulullah s.a.w. telah memutuskan hukum antara Ali Ibni Abi Talib radillahu ‘an hu wa karamallahu hu wahjahu dengan isterinya Fatimah radiallahut ‘anha.... maka Rasulullah s.a.w. memutuskan ke atas Fatimah supaya menjalankan tugas urusan rumah tangga, manakala ke atas Ali pula diputuskan supaya menjalankan kerja dan mencari pendapatan di luar rumah.”
- d      e      f

Dari potongan gaji Defendan yang dikira mulai potongan bagi bulan Disember 1988 hingga gaji bulan Oktober 1998 dikira RM735.74 x 119 berjumlah RM87,553.06, saya berpendapat, satu pertiga bahagian adalah sesuai disabitkan sebagai harta sepencarian yang terhak kepada Plaintiff, manakala dua pertiga bahagian ini terhak kepada Defendan. Pendapat saya ini adalah selari dengan peruntukan subseksyen 57(3) dan 57(4) Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985. Subseksyen-subseksyen itu bermaksud apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan itu dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara pihak-pihak itu dengan memberi perhatian kepada –

- (a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga;
- (b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimanapun, pihak yang telah memperolehi aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar. Oleh yang demikian saya berpendapat Plaintiff berhak mendapat RM87,553.06 – 3 = RM29,184.35., manakala Defendan berhak di atas dua pertiga bahagian, iaitu sebanyak RM58,368.70, Dengan itu saya boleh memerintahkan Defendan membuat pembayaran sebanyak RM29,184.35 kepada Plaintiff, yang mana selepas itu rumah dan tapak rumah itu nanti akan menjadi milik Defendan sepenuhnya.

Tuntutan **kedua** Plaintiff ialah tanah yang dibeli oleh Defendan di Bukit Gasing, yang memakai keterangan tanah GM2759, lot 4497 Mukim Pulau Kerengga, Marang, bernilai RM3,000.00. Ditinjau dari sudut pemilikan harta yang dipertikai saya berpuas hati bahawa harta itu didaftarkan atas nama MAT SHARIE BIN YAAKUB, K/P 3755191 (KPT: 510101-03-5289), pada masa tuntutan ini dibuat. Seksyen 5 Kanun Tanah Negara, Akta 56 tahun 1965, mentafsirkan “pemilik” bermakna sesiapa atau mana-

- a mana perbadanan untuk sementara waktu didaftarkan sebagai pemilik mana-mana tanah bermilik. Tafsiran “tanah bermilik” bermakna mana-mana tanah “termasuk mana-mana petak bangunan yang dipecah bahagi) bagi yang mana hak berdaftar untuk sementara waktu diperolehi, sama ada tetap atau sementara, sama ada untuk selama-lamanya atau beberapa tahun, dan sam ada diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Akta ini atau dalam penggunaan kuasa-kuasa yang diberi oleh mana-mana undang-undang tanah yang terdahulu, tetapi tidak termasuk tanah lombong.

b

Saya berpuas hati bahawa harta tanah ini diperolehi semasa dalam tempoh perkahwinan yang sah mengikut Hukum Syarak antara Plaintiff dengan Defendant.

- c Ditinjau dari satu sudut, apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat itu dari segi sah atau tidaknya (أ نوع الدعوى من حيث صحتها ), saya berpendapat tuntutan Plaintiff itu adalah merupakan suatu tuntutan atau dakwaan yang sah mengikut Hukum Syarak. Kedudukannya adalah sama seperti tuntutan Plaintiff yang pertama di atas.

- d Ditinjau dari sudut berapakah kadar sumbangan oleh kedua-dua belah pihak dalam memperolehi harta yang dipertikaikan itu pula, oleh kerana fakta di dalam kes ini adalah sama seperti tuntutan pertama Plaintiff saya berpendapat, satu pertiga bahagian adalah sesuai disabitkan sebagai harta sepencarian yang terhak kepada Plaintiff, manakala dua pertiga bahagian lagi terhak kepada Defendant. Pendapat saya ini adalah selari dengan peruntukan subseksyen 57(3) dan 57(4) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 sebagaimana yang telah disebut di atas.

- e Oleh yang demikian saya berpendapat Plaintiff berhak mendapat satu pertiga dari nilai harta tanah itu, manakala Defendant mendapat dua bahagian dari nilai harga tanah yang dituntut itu. Saya berpendapat Defendant kenalah membuat pembayaran kepada Plaintiff sebanyak RM1,000.00 dan setelah itu harta tanah di Bukit Gasing, yang memakai keterangan tanah GM2759, lot 4497 Mukim Pulau Kerengga, Marang, akan menjadi milik kekal kepada Defendant.

f

Tuntutan ketiga Plaintiff ialah tanah yang dibeli oleh Defendant di Gong Nangka (tiada geran lagi), Marang, yang bernilai RM4,000.00. Ditinjau dari sudut pemilikan harta yang dipertikaikan ini, saya berpuas hati bahawa tanah ini bukannya "tanah bermilik" mengikut Kanun Tanah Negara. Pemilik yang sah kepada tanah itu tidak diketahui. Seksyen 5 Kanun Tanah Negara, Akta 56 tahun 1965, mentafsirkan "pemilik" bermakna sesiapa atau mana-mana perbadanan untuk sementara waktu didaftarkan sebagai pemilik mana-mana tanah bermilik. Tafsiran "tanah bermilik" bermakna mana-mana tanah (termasuk mana-mana petak bangunan yang dipecah bahagi) bagi yang mana hak berdaftar untuk sementara waktu diperolehi, sama ada tetap atau sementara, sama ada untuk selama-lamanya atau beberapa tahun, dan sama ada diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Akta ini atau dalam penggunaan kuasa-kuasa yang diberi oleh mana-mana undang-undang tanah yang terdahulu, tetapi tidak termasuk tanah lombong.

Ditinjau dari sudut, apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat itu dari segi sah atau tidaknya (أُنْوَاعُ الدَّعْوَى مِنْ حِيثِ صَحَّهَا), saya berpendapat tuntutan Plaintiff ke atas tanah yang didakwa dibeli oleh Defendant di Gong Nangka, Marang ini adalah merupakan suatu tuntutan atau dakwaan yang batal mengikut Hukum Syarak. Di dalam kitab *Nizam al-Qada Fi al-Syariah al-Islamiah*, karangan Dr. Abdul Karim Zaidan, cetakan ketiga, tahun 1418H/1997M, terbitan Mu'assah al-Risalah, Beirut, Lebanon, muka 93 hingga 95 ada menyebut tentang dakwaan atau tuntutan dari sudut sahnya sesuatu dakwaan atau tuntutan itu dikategorikan kepada empat, iaitu; dakwaan / tuntutan yang sah, dakwaan / tuntutan yang fasid atau yang tak sempurna atau dakwaan / tuntutan cacat, dakwaan / tuntutan yang tidak sah atau batal, dan dakwaan hisbah. Dr. Abdul Karim telah menerangkan erti dakwaan / tuntutan yang tidak sah atau dakwaan / tuntutan yang batal, sebagaimana disebutnya pada muka 95. Katanya;

النوع الثالث - المدعى الباطلة : وهي المدعى الغير الصحيحة أصلاً ولا يترتب عليها حكم لأن إصلاحاً غير ممكن ، كما لو ادعي زيد أن فلانا من سكبة محلته موسر وأنا فقير معسر وأطلب الحكم لي عليه بصدقه.

- a      *Yang bererti;*  
       "Jenis dakwaan/tuntutan ketiga ialah dakwaan/tuntutan yang batal. Dakwaan/tuntutan jenis ini ialah dakwaan/tuntutan yang tidak sah pada asalnya dan tiada hukuman yang boleh dikeluarkan kerana dakwaan/tuntutan sedemikian tidak ada peluang untuk membaikinya lagi. Contoh dakwaan/tuntutan jenis ialah; Zaid mendakwa seseorang yang mendiami di kampung tertentu sebagai seorang yang kaya, mendakwa dirinya fakir dan dengan itu memohon kepada Hakim supaya membuat hukuman memerintahkan orang kaya itu memberi sedekah kepada Zaid."
- b      Selain dari itu, di dalam kitab *I'aanah al-Taalibin*, karangan Abu Bakar ibnu Muhammad Syata'al-Damyaty, juzuk keempat, cetakan pertama, 1418H/1997M, terbitan Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon, muka 290, ada menyebut;

وَفِي الدَّعْوَى بِعَقَارٍ ذُكْرٌ جَهَةٌ وَمَحْلَةٌ وَحَدْوَدٌ أَرْبَعَةٌ فَإِنْ يَكُفَّ ذُكْرُ تِلْأَاثَةٍ مِنْهَا إِذَا لَمْ يَعْلَمْ إِلَّا بِأَرْبَعَةٍ

- c      *Yang bererti;*  
       "Dalam dakwaan mengenai tanah dan barang yang menetap di atasnya, diisyaratkan disebut arahnya, tempat beradanya dan sempadannya pada empat hala, di dalam dakwaan. Adalah tidak mencukupi dengan hanya menyebut tiga hala sempadannya saja, jika ianya tidak diketahui melainkan dengan menyebut empat hala sempadannya."
- d      Mengikut pemilikan harta dan jenis dakwaan/tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff di dalam kes ini, saya berpuas hati bahawa Plaintiff ini adalah tidak menepati Hukum Syarak dan undang-undang. Oleh yang demikian sewajarnyalah tuntutan Plaintiff ini saya tolak.

e

Mengikut pemilikan harta dan jenis dakwaan/tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff di dalam kes ini, saya berpuas hati bahawa Plaintiff ini adalah tidak menepati Hukum Syarak dan undang-undang. Oleh yang demikian sewajarnyalah tuntutan Plaintiff ini saya tolak.

f

Tuntutan **Keempat** Plaintiff ialah sebuah kenderaan jenis van, nombor daftar TR 7416, berharga RM40,783.00. Ditinjau dari sudut pemilikan harta yang dipertikaikan ini, saya berpuas hati bahawa mengikut Perakuan Pendaftaran Kenderaan, kenderaan ini didaftarkan atas nama Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor : 6288468. Salinan Perakuan Pendaftaran Kenderaan bagi kenderaan van nombor pendaftaran TR 7416 telah dikemukakan di dalam Mahkamah ini semasa perbicaraan. Walau pun begitu kenderaan ini pada masa perbicaraan berada di dalam milik Defendan dan digunakan oleh Defendan.

Dalam tuntutan balasnya, Defendan juga menuntut hak mutlak ke atas kenderaan jenis van, nombor daftar TR 7416, berharga RM40,783.00 ini.

Saya berpuas hati bahawa kenderaan jenis van nombor daftar TR 7416 ini diperolehi semasa dalam tempoh perkahwinan yang sah mengikut Hukum Syarak antara Plaintiff dengan Defendan.

Ditinjau dari sudut, apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat tu dari segi sah atau tidaknya (أُنْوَاعُ الدِّعَوى مِنْ حَيْثُ صَحَّهَا), saya berpendapat tuntutan Plaintiff itu adalah merupakan suatu tuntutan atau dakwaan yang sah mengikut Hukum Syarak. Kedudukannya adalah sama seperti tuntutan Plaintiff yang pertama di atas. Ditinjau dari sudut, apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat itu dari segi sah atau tidaknya (أُنْوَاعُ الدِّعَوى مِنْ حَيْثُ صَحَّهَا), saya berpendapat tuntutan balas oleh Defendan ke atas kenderaan jenis van, nombor daftar TR 7416, berharga RM40,783.00 ini adalah merupakan suatu tuntutan atau dakwaan yang sah mengikut Hukum Syarak.

Ditinjau dari sudut berapakah kadar sumbangan oleh kedua-dua belah pihak dalam memperolehi harta yang dipertikaikan itu pula, oleh kerana fakta di dalam kes ini adalah sama seperti tuntutan pertama Plaintiff saya berpendapat, satu pertiga bahagian adalah sesuai disabitkan sebagai harta sepencarian yang terhak kepada Plaintiff, manakala dua pertiga bahagian lagi terhak kepada Defendan. Pendapat saya ini adalah selari dengan peruntukan subseksyen 57(3) dan 57(4) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 sebagaimana yang telah disebut di atas.

*a* Oleh yang demikian saya berpendapat Plaintiff berhak mendapat satu pertiga dari nilai harga kenderaan jenis van, nombor daftar TR 7416, yang telah dinilai dengan harga RM40,783.00 manakala Defendan mendapat dua bahagian dari nilai harga kenderaan itu. Dengan ini saya menolak tuntutan balas Defendan.

Oleh kerana Plaintiff dan Defendan telah tidak menyatakan bagaimana *b* kenderaan ini dibahagikan jika disabitkan harta sepencarian, maka saya berpendapat andaian kepada pemilikan kenalah dibuat. Saya berpendapat Defendan kenalah membuat pembayaran kepada Plaintiff sebanyak RM13,594.33 dan setelah itu proses penukaran nama berdaftar bagi kenderaan itu daripada nama Plaintiff kepada nama Defendan hendaklah dibuat oleh Plaintiff, dan kenderaan itu akan menjadi milik kekal kepada Defendan.

*c* Sekiranya Plaintiff mahu terus memiliki kenderaan van nombor daftar TR 7416 mengikut nama berdaftar di dalam Perakuan Pendaftaran Kenderaan pada masa ini, saya berpendapat, Plaintiff kenalah membuat pembayaran kepada Defendan sebanyak RM27,188.67 dan setelah itu kenderaan jenis van nombor daftar TR 7416, akan menjadi milik kekal kepada Plaintiff.

*d* Tuntutan **kelima** Plaintiff ialah sebuah motorsikal, nombor daftar TR 7416 mengikut nama berdaftar di dalam Perakuan Pendaftaran Kenderaan pada masa ini, saya berpendapat, Plaintiff kenalah membuat pembayaran kepada Defendan sebanyak RM27,188.67 dan setelah itu kenderaan jenis van nombor TR 7416, akan menjadi milik kekal kepada Plaintiff.

*e* Saya berpuas hati bahawa kenderaan motorsikal nombor daftar TT 1843 ini diperolehi semasa dalam tempoh perkahwinan yang sah mengikut Hukum Syarak antara Plaintiff dengan Defendan.

Ditinjau dari sudut, apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat itu dari segi sah atau tidaknya (أواع الدعوى من حيث صحتها) saya berpendapat tuntutan Plaintiff itu adalah merupakan suatu tuntutan atau dakwaan yang sah mengikut Hukum Syarak. Kedudukannya adalah sama seperti tuntutan Plaintiff yang pertama di atas.

Ditinjau dari sudut berapakah kadar sumbangan oleh kedua-dua belah pihak dalam memperolehi harta yang dipertikaikan itu pula, oleh kerana fakta di dalam kes ini adalah sama seperti tuntutan pertama Plaintiff saya berpendapat, satu pertiga bahagian adalah sesuai disabitkan sebagai harta sepencarian yang terhak kepada Plaintiff, manakala dua pertiga bahagian lagi terhak kepada Defendan. Pendapat saya ini adalah selari dengan peruntukan subseksyen 57(3) dan 57(4) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 sebagaimana yang telah disebut di atas.

a

b

Oleh yang demikian saya berpendapat Plaintiff berhak mendapat satu pertiga dari nilai harga kenderaan motorsikal nombor daftar TT 1843, yang telah dinilai dengan harga RM3,000.00 manakala Defendan mendapat dua bahagian dari nilai harga kenderaan itu.

Oleh kerana Plaintiff dan Defendan telah tidak menyatakan bagaimana kenderaan ini dibahagikan jika disabitkan harta sepencarian, maka saya berpendapat andaian kepada pemilikan kenalah dibuat. Saya berpendapat Plaintiff kenalah membuat pembayaran kepada Defendan sebanyak RM2,000 dan setelah proses penukaran nama berdaftar kenderaan motorsikal nombor daftar TT1843 itu daripada nama Defendan kepada nama Plaintiff hendaklah dibuat oleh Defendan, dan kenderaan itu akan menjadi milik kekal kepada Plaintiff.

c

d

Sekiranya Defendan mahu terus memiliki kenderaan motorsikal daftar TT 1843 mengikut nama berdaftar di dalam Perakuan Pendaftaran Kenderaan pada masa ini, saya berpendapat, Defendan kenalah membuat pembayaran kepada Plaintiff sebanyak RM1,000 dan setelah itu kenderaan motorsikal nombor daftar TT 1843, akan menjadi milik kekal kepada Defendan.

e

Tuntutan keenam Plaintiff ialah wang daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Defendan, yang didaftar dengan keahlian nombor : 2955759, jumlah setakat Disember 1990 ialah RM36,328.05. Mengenai tuntutan ini, keahlian dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja nombor 2955759 ialah di atas nama Mat Sharie bin Yaakub, kad pengenalan nombor : 3755191. Ditinjau dari sudut pemilikan harta yang dipertikaikan ini, saya berpuas hati bahawa tuntutan itu dibuat ke atas harta yang didaftarkan atas nama Defendan.

f

- a Saya ada diberitahu bahawa telah ada fatwa yang berpendapat bahawa wang yang dipotong dari gaji seseorang dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah merupakan harta pusaka kepada individu yang gajinya dipotong itu. Mengenai tuntutan harta pusaka saya berpendapat apakala timbul tuntutan ke atas harta pusaka simati, samada tuntutan itu merupakan tuntutan harta sepencarian maupun tuntutan hibah atau seumpamanya, kita hendaklah merujuk kepada nas asal dalam Hukum Syarak, iaitu al-Quran dan al-Hadis. Allah S.W.T. berfirman;
- b

يُوصِّيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذِّكْرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيْنِ إِنْ كُنْ نِسَاءٌ فَوْقَ النِّسَاءِ فَلَهُنَّ ثُلَاثًا مَا تَرَكَتْ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبْوَيْهِ لَكُلُّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَرَرَةٌ أَبْوَاهُ فَلَأُمُّهُ الْفُلُثُ إِنْ كَانَ لَهُ إِخْرَوَةٌ فَلَأُمُّهُ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِّيَ بِهَا أُوْ دِينٍ أَبْااؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيْمَنْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيقَةٌ مِّنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Surah al-Nisaa' ayat 11

Yang bermaksud;

- d "Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (sepahruh) harta itu. Dan bagi ibu- bapa (simati), tiap-tiap seorang dari keduanya : seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh si-mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si-mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula si-mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembahagian itu ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si-mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-ibu kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa diantaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (sebab itulah Allah menetapkan bahagian mereka kerana
- e
- f

*Dialah juga Yang Mengetahuinya). (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

*a*

Di dalam ayat 11 Surah al-Nisaa’ itu Allah berfirman...

من بعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ ذِيْنٍ ... yang bermaksud, “.....(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si-mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya..... Mengenai fakta ini, Saidina Ali r.a. sebagaimana yang dimuat di dalam kitab *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, juzuk kelapan, cetakan ketiga, Dar al-Fikr, Damsyek 1409/1989H di muka 273, telah menjelas, yang bermaksud;

*b*

رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم بدأ بالدين قبل الوصية

*c*

*Yang bererti;*

*“Aku telah melihat Rasulullah S.A.W. (dalam mentadbirkan pusaka) telah memulakan dengan melunaskan hutang sebelum wasiat.”*

Berdasarkan fakta-fakta di atas fuqaha’ telah membuat kaedah bahawa mengikut Hukum Syarak, apabila mati seseorang muslim harta peninggalannya ditadbirkan menurut sebagaimana pendapat Al Syarbini yang dimuatkan di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj*, jil. ketiga, cetakan Dar al-Fikr, dari muka surat 3 hingga muka surat 4 yang menyebut;

*d*

يبدأ من تركة الميت بمئنة تجهيزه ثم تقضى ديونه ثم وصاياه من ثلث الباقى ثم يقسم الباقى بين الورثة فلت فإن تعلق بعين التركة حق كالزكاة والجبايات والمرهون والمبيع إذا مات المشتري مقلساً قدم على مئنة تجهيزه .

*e**f*

- a Yang bererti;  
 "Daripada harta peninggalan simati mengikut tertibnya hendaklah dicabut kerana urusan pengkebumian mayatnya, kemudian dicabut bagi melunaskan hutangnya, dan kemudian dicabut untuk menyempurnakan wasiatnya sekadar satu pertiga daripada bakinya itu, seterusnya barulah bakinya dibahagi-bahagikan kepada waris-warisnya. Kemudian sekiranya harta simati itu ada bergantung dengan hak-hak Allah dan hak-hak manusia lain, seperti zakat, hak-jenayah (pembayaran diat atau denda hamba bagi orang yang dibunuh oleh simati semasa hidupnya), gadaian (barang-barang gadaian simati masih ada yang belum ditebus), pembelian simati (semasa hidupnya) secara hutang dan belum dijelaskan sedangkan penjualnya telah muflis, maka hak-hak Allah dan hak-hak manusia seperti ini hendaklah terlebih dahulu dicabut daripada harta yang ditinggalkan oleh simati dari cabutan kerana urusan pengkebumian mayatnya."
- b
- c

Dari penjelasan di atas, sekiranya terdapat sesuatu tuntutan ke atas pusaka orang Islam, dan sekiranya tuntutan itu dikendalikan mengikut Hukum Syarak, fakta persoalan berikut hendaklah diselesaikan mengikut tertib (satu persatu);

d **Pertama :**

Adakah harta-harta simati yang ditinggalkan itu mempunyai hak-hak yang bergantung kepada harta itu sendiri; yang boleh terdiri dari:-

- zakat yang belum ditunaikan oleh simati sedangkan syarat-syaratnya telah dipenuhi
- e - diat atau hamba bagi orang yang dibunuh oleh simati semasa hayatnya
- barang-barang gadaianya yang belum ditebus
- hutang simati ke atas harta yang ditinggalkan itu
- f - harta sepencarian

- wakaf dan / atau nazar yang telah dibuat oleh simati dan telah sempurna rukunnya tetapi belum dibuat pemindahan hak milik a
- hibah yang telah dibuat oleh simati dan telah sempurna rukunnya tetapi belum dibuat pemindahan hak milik
- dan seumpamanya

**Kedua :**

Dari harta peninggalan simati hendaklah boleh digunakan bagi pembiayaan pengurusan jenazah simati.

**Ketiga :**

Adakah simati berhutang dan hutang tersebut masih belum dilunaskan. Jika ada, dari pusakanya itu hendaklah ditolak untuk melunaskan hutang berkenaan. Hutang simati itu termasuklah hutang menunaikan fardhu haji sekiranya semasa hayat simati telah cukup syarat-syaratnya tetapi simati masih belum menunaikannya. c

**Keempat :**

Adakah simati ada berwasiat. Jika ada tunaikanlah wasiatnya. d

**Kelima :**

Setelah itu barulah harta-harta simati yang berbaki lagi dibahagikan kepada ahli-ahli waris mengikut Hukum Faraid. Kadar penentuan saham tiap-tiap ahli waris adalah mengikut yang ditentukan oleh ayat-ayat al-Mawarith. e

Di dalam kitab *al-Um*, jilid kesepuluh, cetakan Dar al-Qutaibah, Beirut, Labenon, cet. 1, 1996, muka 328 ada menyebut;

قال الشافعي رحمة الله تعالى إذا اختلف الرجل والمرأة في مثابع البيت  
الذي هما فيه ساكنان وقد افترقا أو لم يفترقا أو ماتا أو مات أحد هما  
فاختل了一 ورثتهما أو ورثة أحد هما بعد موته فذلك كله سواء

f

- a *Yang bererti;*  
 "Imam Syafie telah berkata, "Apakala berlaku pertelingkahan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka berpisah (bercerai); atau sekali pun tidak berpisah; atau kedua suami isteri itu meninggal dunia; atau salah seorang daripada mereka berdua meninggal dunia; yang mana dalam keadaan kedua suami isteri itu meninggal dunia, berlaku pertelingkahan di antara waris kepada kedua-dua pihak atau pertelingkahan oleh waris kepada salah satu dari kedua pihak itu; maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa..."
- b

Soalnya dalam harta pusaka si mati boleh dituntut harta sepencarian oleh pihak yang tidak meninggal dunia atau oleh warisnya, kenapa semasa orang itu masih belum meninggal dunia tidak boleh dibuat tuntutan harta sepencarian? Dalam persoalan ini saya berpendapat tuntutan harta sepencarian juga boleh dibuat tuntutan.

Walau pun begitu peruntukan seksyen 51, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1991 pada pendapat saya kenalah ditadbirkan dengan bijaksana. Seksyen 51 akta berkenaan memperuntukkan;

- d Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain-
- (a) tiada jumlah wang yang dipotong daripada upah seseorang ahli Kumpulan Wang di bawah seksyen 48;
  - (b) tiada amaun yang kena dibayar oleh majikan sebagai carumannya; dan
  - (c) tiada amaun yang berada pada kredit seseorang ahli Kumpulan Wang, boleh diserahkan, dipindahkan, kena ditahan, disequesterkan, dilevikan ke atasnya, bagi, atau berkenaan dengan, apa-apa hutang atau tuntutan apa jua pun, dan Pegawai Pemegang Harta tidaklah berhak kepada atau mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa jumlah wang atau amaun tersebut.
- e
- f

Ditinjau dari sudut, apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat itu dari segi sah atau tidaknya (أَنْوَاعُ الدَّعْوَى مِنْ حِثَّتِ صَحْتَهَا) , saya berpendapat tuntutan Plaintiff ke atas wang daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Defendan, yang didaftar dengan keahlian nombor : 2955759, jumlah setakat Disember 1990 ialah RM36,328.05 adalah merupakan suatu dakwaan / tuntutan yang fasid atau yang tak sempurna atau dakwaan / tuntutan cacat mengikut Hukum Syarak. Di dalam kitab *Nizam al-Qada Fi al-Syariah al-Islamiah*, karangan Dr. Abdul Karim Zaidan, cetakan ketiga, tahun 1418H/1997M, terbitan Mu'assah al-Risalah, Beirut, Lebanon, muka 93 hingga 95 ada menyebut tentang dakwaan atau tuntutan dikategorikan kepada empat, iaitu, dakwaan/tuntutan yang sah, dakwaan/tuntutan yang fasid atau yang tak sempurna atau dakwaan/tuntutan cacat, dakwaan/tuntutan yang tidak sah atau batal, dan dakwaan hisbah. Dr. Abdul Karim telah menerangkan erti dakwaan/tuntutan yang fasid atau yang tak sempurna atau dakwaan/tuntutan cacat, sebagaimana dimuatkan dalam muka 94. Katanya;

النوع الثاني - الدعوى الفاسدة وهي الدعوى الصحيحة أصلًا إلا أنها غير  
مشروعة باعتبار بعض أوصافها الخارجية كما لو كان المدعى به محظوظاً .  
وفي هذه الحالة لا يردها القاضي ولا يباشر سماعها وإنما يتطلب من المدعى  
تصحيحها فإذا صحيحتها وأزال فسادها قبلها القاضي كما لو عين المدعى  
المدعى به وأزال جهالته ، فإذا لم يصلح المدعى دعواه الفاسدة ردتها  
القاضي .

*Yang bererti;*

“Yang dakwaan / tuntutan kedua ialah dakwaan / tuntutan yang fasid atau yang tak sempurna atau dakwaan / tuntutan cacat, iaitu dakwaan / tuntutan yang sah pada asalnya, tetapi telah tidak diambil kira mengikut Hukum Syarak kerana terdapat kecacatan pada sebahagian sifat luarannya, seperti benda yang didakwa / dituntut itu tidak pasti atau tidak jelas. Dalam kes seperti ini, Hakim tidak menolak dakwaan / tuntutan itu begitu saja dan tidak pula mendengar dakwaan / tuntutan itu, sebaliknya Hakim akan meminta supaya orang mendakwa memperbetulkan dakwaan / tuntutannya itu. Sekiranya orang yang mendakwa / menuntut melakukan pembetulan ke atas

- a        *dakwaan / tuntutan itu, Hakim akan menerima dakwaan / tuntutan sebagaimana yang telah dibuat pembetulan itu, sebagai contoh; orang yang mendakwa telah dapat menentukan benda yang didakwa / tuntut dan tidak ada lagi kesamaran. Sekiranya orang yang mendakwa / menuntut tidak mahu membetulkan kecacatan dakwaan / tuntutannya itu, Hakim akan menolak dakwaan / tuntutannya itu.”*
- b        Di dalam kes ini, semasa Plaintiff mengemukakan keterangannya, Mahkamah telah mengarahkan supaya amaun yang dituntut oleh Plaintiff mestilah merupakan jumlah potongan gaji Defendan semata-mata, tanpa mengambil kira sumbangan dari majikannya dan keuntungan yang telah diagihkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Walaupun begitu, Plaintiff memberi alasan bahawa adalah sukar untuk mendapatkan penyata potongan gaji Defendan yang dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
- c        Mengikut jenis dakwaan / tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff di dalam kes ini, saya berpuas hati bahawa tuntutan Plaintiff ini adalah tidak menepati Hukum Syarak dan undang-undang. Oleh yang demikian sewajarnyalah tuntutan Plaintiff ini saya tolak.
- d        Tuntutan **ketujuh** Plaintiff ialah kos tuntutan ini ditanggung oleh Defendan dan tuntutan **kelapan** Plaintiff ialah apa-apa perintah yang difikirkan patut dan munasabah oleh Mahkamah akan saya buat penghakimannya setelah selesai saya memberi pertimbangan kepada tuntutan balas Defendan.
- e        Di dalam kes ini Defendan pula telah membuat tuntutan balas. Tuntutan balas **pertama** Defendan sebuah kenderaan van, pendaftaran no: TR 7416, yang dituntut oleh Plaintiff sebagai harta sepencarian itu, diisyiharkan sebagai harta Defendan. Kedudukan harta ini telah saya buat semasa saya menganalisa tuntutan Plaintiff yang keempat. Saya telah berpendapat oleh kerana Plaintiff dan Defendan telah tidak menyatakan bagaimana kenderaan ini dibahagikan jika disabitkan harta sepencarian, maka saya berpendapat andaian kepada pemilikan kenalah dibuat. Saya berpendapat Defendan kenalah membuat pembayaran kepada Plaintiff sebanyak RM13,594.33 dan setelah itu proses penukaran nama berdaftar bagi kenderaan itu daripada nama Plaintiff kepada nama Defendan hendaklah dibuat oleh Plaintiff, dan kenderaan itu akan menjadi milik kekal kepada Defendan.
- f

Sekiranya Plaintiff mahu terus memiliki kenderaan van nombor daftar TR 7416 mengikut nama berdaftar di dalam Perakuan Pendaftaran Kenderaan pada masa ini, saya berpendapat, Plaintiff kenalah membuat pembayaran kepada Defendan sebanyak RM27,188.67 dan setelah itu kenderaan jenis van nombor daftar TR 7416, akan menjadi milik kekal kepada Plaintiff. Dengan yang demikian saya tidak menerima tuntutan balas Defendan. *a*

Tuntutan balas **kedua** Defendan barang-barang yang sehingga kini masih berada di dalam rumah yang terletak di lot 1909 Mukim Rusila, Marang, diisyiharkan sebagai harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan. Barang-barang berkenaan ialah; *b*

a) sebuah TV Toshiba 20"	RM1,000.00
b) sebuah mesin basuh	RM2,000.00
c) dua bidang permaidani	RM1,000.00
d) 4 set bed spread	RM 800.00
e) almari solek (antik)	RM2,000.00
f) almari pakaian	RM 800.00

Ditinjau dari sudut pemilikan harta yang dipertikaikan ini, saya berpuas hati bahawa barang-barang yang disenaraikan itu adalah milikan pasangan Plaintiff dan Defendan, walau pun barang itu tiada nama yang didaftarkan. Mengikut keterangan dan dikuatkan dengan sumpah kedua-dua belah pihak, saya berpuas hati bahawa barang-barang itu diperolehi semasa dalam tempoh perkahwinan yang sah mengikut Hukum Syarak antara Plaintiff dengan Defendan. *c* *d*

Ditinjau dari sudut, apakah jenis tuntutan atau dakwaan yang dibuat itu dari segi sah atau tidaknya (أ نوع الدعوى من حيث صحتها), saya berpendapat tuntutan balas Defendan ini adalah merupakan suatu tuntutan atau dakwaan yang sah mengikut Hukum Syarak. Kedudukannya adalah sama seperti tuntutan Plaintiff yang pertama di atas. *e*

Ditinjau dari sudut berapakah kadar sumbangan oleh kedua-dua belah pihak dalam memperolehi harta yang dipertikaikan itu pula, oleh kerana fakta di dalam kes ini adalah sama seperti tuntutan pertama Plaintiff saya berpendapat, satu pertiga bahagian adalah sesuai disabitkan sebagai harta sepencarian yang terhak kepada Plaintiff, manakala dua pertiga bahagian

- a lagi terhak kepada Defendan. Pendapat saya ini adalah selari dengan peruntukan subseksyen 57(3) dan 57(4) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 sebagaimana yang telah disebut di atas.

- Oleh yang demikian saya berpendapat Plaintiff berhak mendapat satu pertiga dari nilai harga barang-barang itu, yang telah dinilai dengan harga RM7,600 manakala Defendan mendapat dua bahagian dari nilai harga barang-barang itu. Oleh kerana Plaintiff dan Defendan telah tidak menyatakan bagaimana kenderaan ini dibahagikan jika disabitkan harta sepencarian, maka saya berpendapat andaian kepada pemilikan kenalah dibuat. Barang itu semasa perbicaraan berada di dalam rumah di atas lot 1909 Mukim Rusila, Marang. Rumah berkenaan itu pada masa perbicaraan didiami oleh Defendan. Oleh yang demikian, saya berpendapat Defendan kenalah membuat pembayaran kepada Plaintiff sebanyak RM2,533.33 dan c setelah itu kesemua barang-barang yang disenaraikan itu menjadi milik kekal kepada Defendan.

Tuntutan balas **ketiga** Defendan ialah Plaintiff dikehendaki membayar balik wang pembiayaan yang telah disumbangkan oleh Defendan berjumlah RM8,000 untuk membesarkan rumah di No. 4, Perumahan Kampung Rhu Rendang, 21600 Marang.

- d Ditinjau dari sudut pemilikan, semasa perbicaraan rumah yang beralamat No: 4, Perumahan Kampung Rhu Rendang, 21600 Marang didaftarkan atas nama Zainab binti Kassim, kad pengenalan nombor 410131-03-5126, iaitu ibu Plaintiff. Saya berpuas hati bahawa wang pembiayaan yang telah disumbangkan oleh Defendan sebagaimana dalam dakwaan tuntutan balasnya yang berjumlah RM8,000 adalah untuk membesarkan rumah milik ibu Plaintiff. Oleh yang demikian saya berpendapat adalah tidak sesuai Defendan menamakan Plaintiff sebagai pihak Defendan membuat tuntutan balas. Adalah sesuai bagi Defendan menuntut balik wang sumbangan itu dengan menamakan ibu Plaintiff sebagai Defendan. Satu alternatif lain ialah Defendan menunggu sehingga rumah itu bertukar milik menjadi rumah milik Plaintiff, pada ketika itu barulah Defendan membuat tuntutan pembayaran balik wang pembiayaan yang telah disumbangkan oleh Defendan berjumlah RM8,000 untuk membesarkan rumah berkenaan ke atas Plaintiff. Oleh itu saya menolak tuntutan balas ketiga Defendan ini.

Tuntutan balas **keempat** Defendan ialah segala tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos. Tuntutan balas Defendan ini, pada pendapat saya boleh dianalisa bersekali dengan tuntutan **ketujuh** Plaintiff ia itu kos tuntutan ini ditanggung oleh Defendan dan tuntutan **kelapan** Plaintiff iaitu apa-apa perintah yang difikirkan patut dan munasabah oleh Mahkamah. Saya melihat kepada fakta di dalam kes ini. Fakta di dalam kes ini yang tidak dipertikaikan ialah Plaintiff telah diakad nikahkan dengan Defendan pada 30 Mei 1980 di Kuantan, Pahang. Perkahwinan Plaintiff dengan Defendan telah dikurniakan dengan enam orang anak, yang mana dua daripada anak-anak tersebut telah meninggal dunia. Defendan pada masa ini masih menziarahi anak-anaknya yang dalam pemeliharaan Plaintiff. Jika anak-anaknya itu ditimpa penyakit, Defendan tidak mengabaikannya.

Saya berpendapat hubungan antara Plaintiff dengan Defendan masih lagi rapat oleh kerana dua ikatan; ikatan persaudaraan sepupu beratur ibu dan ikatan kerana hubungan antara anak-anak yang dipelihara oleh bekas isteri Defendan yang mana Defendan sentiasa mengambil berat terhadap anak-anaknya. Oleh itu saya berpendapat, kos di dalam kes ini hendaklah ditanggung oleh masing-masing pihak.

### **Keputusan**

Saya sabit jumlah potongan pendapatan dari gaji Mat Sharie bin Yaakub, kad pengenalan nombor 3755191 / 510101-03-5289 mulai dari bulan Disember 1988 hingga Oktober 1998 dikira RM735.74 x 119 bulan berjumlah RM87,553.06 kerana membeli sebuah rumah dan tapak rumah melalui Pinjaman Perumahan Kerajaan Malaysia di atas tanah lot no. 01909 Mukim Rusila, Marang, dengan harga tanah dan rumah bernilai RM125,000.00, adalah harta sepencarian antara Plaintiff, Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 dengan Defendan, Mat Sharie bin Yaakub. MAKA SAYA perintah Defendan membuat pembayaran sebanyak RM29,184.35 (RM87,553.06 – 3 = RM29,184.35), iaitu kadar satu pertiga dari nilai harta sepencarian itu kepada Plaintiff, yang mana selepas itu rumah dan tapak rumah itu nanti akan menjadi milik Defendan sepenuhnya;

- a SAYA sabit sebidang tanah yang dibeli oleh Defendan, Mat Sharie bin Yaakub, kad pengenalan nombor 3755191 / 510101-03-5289, di Bukit Gasing, yang memakai keterangan tanah GM2759, lot 4497 Mukim Pulau Gasing, Marang, adalah harta sepencarian antara Plaintiff, Che Mas Kerengga, Marang, dengan Defendan Mat Sharie bin Yaakub. MAKA SAYA perintah Defendan membuat pembayaran sebanyak RM1,000 (RM3,000 – 3 = RM1,000), iaitu kadar satu pertiga dari nilai harta sepencarian itu kepada Plaintiff, b yang mana selepas itu di Bukit Gasing, yang memakai keterangan tanah GM2759, lot 4497 Mukim Pulau Kerengga, Marang, itu nanti akan menjadi milik Defendan sepenuhnya;

SAYA tolak tuntutan harta sepencarian Plaintiff, Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 ke atas tanah yang didakwa tanah itu dibeli oleh Defendan di Gong Nangka (tiada geran lagi), c Marang, yang bernilai RM4,000.00;

d SAYA sabit sebuah kenderaan jenis van nombor daftar TR 7416, yang telah dinilai dengan harga RM40,783.00 yang dibeli oleh Defendan, Mat Sharie bin Yaakub, kad pengenalan nombor 3755191 / 510101-03-5289, dan didaftarkan di dalam Perakuan Pendaftaran Kenderaan atas nama Plaintiff Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 adalah harta sepencarian dengan Plaintiff, dengan Defendan, Mat Sharie bin Yaakub. MAKA SAYA perintah Defendan membuat pembayaran sebanyak RM13,594.33, kepada Plaintiff, dan setelah itu proses penukaran nama berdaftar bagi kenderaan itu daripada nama Plaintiff kepada nama Defendan hendaklah dibuat oleh Plaintiff, dan kenderaan itu akan menjadi milik kekal kepada Defendan; ATAU SAYA perintah Plaintiff membuat pembayaran kepada Defendan sebanyak RM27,188.67 (RM40,783 – 3 = RM13,594.33 x 2 = RM27,188.67), dan setelah itu e kenderaan jenis van nombor daftar TR 7416 itu akan menjadi milik kekal kepada Plaintiff;

f SAYA sabit sebuah kenderaan jenis motorsikal pendaftaran nombor TT 1843 yang telah dinilai dengan harga RM3,000 yang dibeli oleh Defendan, Mat Sharie bin Yaakub, kad pengenalan nombor 3755191 / 510101-03-5289, dan didaftarkan di dalam Perakuan Pendaftaran Kenderaan atas nama Defendan, Mat Sharie bin Yaakub, adalah harta sepencarian antara Plaintiff Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-

03-5020 dengan Defendan, Mat Sharie bin Yaakub. MAKA SAYA perintah Defendan membuat pembayaran sebanyak RM1,000 kepada Plaintiff dan kenderaan itu akan menjadi milik kekal kepada Defendan; ATAU SAYA perintah Plaintiff membuat pembayaran kepada Defendan sebanyak RM2,000 (RM3,000 – 3 = RM1,000 x 2 = RM2,000), dan setelah itu proses penukaran nama berdaftar bagi kenderaan itu daripada nama Defendan kepada nama Plaintiff hendaklah dibuat oleh Defendan, yang demikian kenderaan motorsikal itu akan menjadi milik kekal kepada Plaintiff;

*a**b*

SAYA tolak tuntutan harta sepencarian Plaintiff, Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 ke atas wang daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Defendan, yang didaftar dengan keahlian nombor : 2955759;

SAYA sabit barang-barang yang sehingga kini masih berada di dalam rumah yang terletak di atas lot 01909 Sungai Kerak, Mukim Rusila, Marang, yang terdiri dari :-

- |    |                                |            |
|----|--------------------------------|------------|
| a) | sebuah TV Toshiba 20” bernilai | RM1,000.00 |
| b) | sebuah mesin basuh bernilai    | RM2,000.00 |
| c) | dua bidang permaidani bernilai | RM1,000.00 |
| d) | set bed spread bernilai        | RM 800.00  |
| e) | almari solek (antik) bernilai  | RM2,000.00 |
| f) | almari pakaian bernilai        | RM 800.00  |

*d*

adalah harta sepencarian antara Plaintiff Che Mas binti Abdullah, kad pengenalan nombor 6288468 / 610913-03-5020 dengan Defendan, Mat Sharie bin Yaakub kad pengenalan nombor 3755191 / 510101-03-5289,

MAKA SAYA perintah Defendan membuat pembayaran sebanyak RM2,533.33 (RM7,600 – 3 = RM2,533.33) dan setelah itu kesemua barang-barang yang disenaraikan itu menjadi milik kepada Defendan;

*e*

SAYA tolak tuntutan Defendan, Mat Sharei bin Yaakub, KP: 3755191/ 510101-03-5289 ke atas Plaintiff, Che Mas binti Abdullah, KP: 6288468/ 610913-03-5020, untuk mendapat bayaran balik wang pembiayaan yang telah disumbangkan oleh Defendan berjumlah RM8000.00 bagi membesarkan rumah di No. 4, Perumahan Kampung Rhu Rendang, 21600 Marang.

*f*